


Jilid III
Bil. 35



Hari Jumaat
27hb Oktober, 1989

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1990 [Ruangan 6577]

USUL:

Anggaran Pembangunan 1990 [Ruangan 6622]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.T., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P., D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beras).

„ Menteri Pertabanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDEEN At-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kerjaraya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI RAFIDAH Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

Menteri Luar Negeri, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN, D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).
- „ Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK KASITAH BIN GADDAM, P.G.D.K. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.I.J., P.N.B.S., D.P.M.S., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, D.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Menteri Buruh, DATO' LIM AH LEK, D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO HAJI MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., J.M.N., A.M.N., A.M.p. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DAIO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' NG CHENG KUI, D.P.M.P., A.M.P. (Lumut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZAU, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR Sm ZAHARAH BINTI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.L.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN Osu BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJIAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S, (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, OK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR TING CHEW PEH (Gopeng).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI AHMAD DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, P.M.P., A.M.P. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN CHUA JUI MENG, P.L.S. (Bakri).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- „ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K., (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).

Yang Berhormat TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

- „ TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN Hu SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ DATO' ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).

- Yang Berhormat TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KĒ SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., PS. (Kuala Kerai).
- „ TUAN HAJI MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- „ TUAN HAJI MOHAMMED YUSOFF BIN HAJI ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ TUAN MOHD, NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD, TAMRIN BIN ABDUL GHAPAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P. S.P.C.M., K.C.R.L., K.STJ. (Umbawang).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).

Yang Berhormat TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).

- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJHI SUPIRING (Marudu).
- „ Tuan Ong Tee Keat (Ampang Jaya).
- „ DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DATO' RAIS YATIM, B.S.N.S. (Jelebu).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ PUAN HAJIAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).

Yang Berhormat TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SHING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- „ TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE, P.S.D., P.M.P., A.M.P., A.M.N., J.P. (Tambun).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman,
D.P.M.P., J.S.M.

Ketua Penotong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penotong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abdul Samad.

Jair.ah binti Sakimin.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Jumaat, 27hb Oktober, 1989

Mesyuarat dimulakan pada pukul 4.00 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

RANG UNDANG-UNDANG

**RANG UNDANG-UNDANG
PERBEKALAN 1990**

Bacaan Kali Yang Kedua

4.00 ptg.

Menteri Kewangan (Dato' Paduka Daim Zainuddin): Bismillahir-rahmanir-rahim. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya suatu Rang Undang-undang bertajuk "Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1990 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu" dibacakan bagi kali yang kedua.

PENDAHULUAN

Tuan Yang di-Pertua, semenjak tahun 1987 ekonomi negara telah berkembang dengan kadar yang menggalakkan. Kini ekonomi negara sedang berkembang pesat. Pelaburan telah meningkat dengan menggalakkan. Perbelanjaan penggunaan adalah di tahap yang tinggi. Kedudukan kewangan Kerajaan pula telah bertambah kukuh. Memandangkan asas-asas ekonomi yang lebih baik, kegiatan ekonomi dalam beberapa tahun akan datang dijangka

terus menggalakkan. Dengan ini, kita boleh memasuki dekad 1990-an dengan penuh keyakinan.

Kedudukan yang lebih baik ini adalah hasil dari langkah-langkah tegas yang diambil oleh Kerajaan bagi menghadapi kesulitan ekonomi. Kini kita telah berjaya mewujudkan ekonomi yang kukuh. Kita perlu mempertahankan kemakmuran dan kekukuhan ini, bagi menghadapi cabaran-cabaran masa hadapan. Kita perlu mengingati kesusahan yang dialami pada tahun 1985 dan 1986 tatkala kita berhadapan dengan kemerosotan ekonomi yang menjejaskan hasil serta mengakibatkan pertumbuhan negatif pada tahun 1985. Oleh itu, kita hendaklah berwaspada. Ekonomi yang terbuka seperti Malaysia mudah terjejas oleh kedudukan ekonomi dunia.

Seterusnya izinkan saya menerangkan perkembangan ekonomi dalam tahun 1989 serta beberapa isu dalam pengurusan ekonomi negara.

EKONOMI MALAYSIA

Tuan Yang di-Pertua, pertumbuhan ekonomi Malaysia adalah kukuh dan mantap. Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebenar berkembang 8.7 peratus dalam tahun 1988 iaitu kadar tertinggi dalam dekad 1980-an, dan dijangka mencatat perkembangan kira-kira 7.6 peratus dalam tahun 1989. Pertumbuhan ini akan menambahkan pendapatan per kapita kepada \$5,477 dari \$5,065 dalam tahun 1988. Rakyat

Malaysia telah dapat menikmati pendapatan serta taraf hidup yang lebih tinggi disebabkan oleh pertumbuhan ekonomi yang pesat.

Perkembangan ekonomi ini adalah berasas-luas di mana semua sektor menyumbang kepada proses pertumbuhan. Sektor perkilangan telah berkembang dengan pesat dan dijangka mencatatkan pertumbuhan sebanyak 13 peratus dalam tahun 1989. Sektor pembinaan yang bertambah dengan sederhana selepas meleset dalam tahun 1985 hingga 1987, dijangka tumbuh sebanyak 8.5 peratus pada tahun ini. Sektor pertanian juga terus berkembang.

Kadar pertumbuhan yang menggalakkan bagi permintaan dalam negeri berikutan pertambahan pendapatan dan eksport telah memberi tekanan ke atas paras harga. Pada tahun ini, inflasi dijangka meningkat dengan sederhana sebanyak 4 peratus berbanding dengan 2.5 peratus pada tahun lalu. Kenaikan harga ini antara lain disebabkan oleh peningkatan kos import akibat inflasi dunia dan perubahan dalam nilai matawang kita. Walau bagaimanapun, semenjak awal tahun ini, nilai ringgit telah meningkat berbanding dengan semua matawang utama. Perkembangan ini serta langkah-langkah fiskal dan kewangan yang dilaksanakan oleh Kerajaan telah membantu mengawal kenaikan harga.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum inflasi bukan berlaku di Malaysia sahaja. Ianya adalah masalah yang dihadapi oleh kebanyakan negara di dunia. Kadar inflasi di beberapa negara yang sedang membangun adalah lebih tinggi daripada yang dihadapi oleh negara kita. Misalnya kadar inflasi bagi negara-negara ASEAN dijangka sebanyak 6 peratus secara purata bagi tahun 1988. Kerajaan sedar bahawa inflasi, meskipun kadarnya rendah boleh membawa kesan yang buruk, khususnya kepada golongan yang

berpendapatan kecil. Oleh itu Kerajaan sedang mengambil beberapa langkah untuk mengawal kenaikan harga.

Tuan Yang di-Pertua, akhir-akhir ini terdapat tanda-tanda jelas yang menunjukkan bahawa kegiatan ekonomi di negara-negara Pertumbuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD), khususnya Amerika Syarikat, telah mula perlahan. Negara-negara ini akan melaksanakan dasar-dasar yang boleh mengurangkan paras permintaan berikutan masalah inflasi yang mereka hadapi. Ini akan memperlahankan pertumbuhan ekonomi dan menjejaskan permintaan eksport barangan utama kita. Akibatnya, harga barangan utama telah mula turun. Harga purata getah RSS 1 dijangka sebanyak 260 sen sekilogram untuk tahun ini, berbanding dengan 310 sen sekilogram dalam tahun 1988. Harga purata minyak kelapa sawit mentah dijangka \$830 satu tan metrik berbanding dengan \$1,029 dalam tahun 1988. Harga purata petroleum mentah telah kukuh sedikit setelah jatuh sejak penghujung tahun yang lepas dan untuk tahun ini harganya dijangka akan berada pada paras purata AS\$17.50 setong. Walau bagaimanapun pasaran petroleum mentah masih belum stabil dan harga mungkin turun sedikit tahun hadapan.

Oleh kerana permintaan yang berkurangan terhadap barangan utama negara, dan pertumbuhan import yang tinggi, akaun semasa imbalan pembayaran dijangka mengalami lebihan yang kecil berjumlah \$220 juta, berbanding dengan \$4.7 ribu juta pada tahun 1988. Walau bagaimanapun imbalan pembayaran keseluruhan dijangka menunjukkan lebihan yang bertambah disebabkan aliran masuk modal swasta yang mantap serta pengurangan dalam bayaran lebih awal hutang luar negara oleh Kerajaan. Ini akan menambahkan rizab luar menjadi \$20 ribu juta, iaitu cukup untuk

membayai 4.2 bulan import tertanggung. Tahap ini adalah tinggi dan kukuh.

Selepas mengalami defisit yang besar sebanyak \$2 ribu juta dalam tahun 1987 dan lebih sebanyak \$155 juta pada tahun 1988, akaun semasa Kerajaan Persekutuan dijangka menunjukkan lebihan yang tinggi sedikit, iaitu sebanyak \$230 juta dalam tahun 1989. Ini berikutan dari prestasi hasil yang lebih baik serta perbelanjaan mengurus yang terkawal. Kita perlu meneruskan dasar jimat cermat dalam perbelanjaan mengurus, supaya kita dapat mencapai lebihan akaun semasa yang besar bagi membantu membiayai perbelanjaan pembangunan. Lebihan yang lebih besar akan mengurangkan pergantungan kepada pinjaman.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah hutang luar negara telah berkurangan, disebabkan pengurusan hutang yang cekap. Hutang luar negara dijangka berjumlah \$44 ribu juta pada penghujung 1989 berbanding dengan lebih \$50 ribu juta pada penghujung tahun 1986. Ini disebabkan oleh bayaran pinjaman lebih awal yang besar, yang dibuat oleh sektor awam dan swasta. Sejumlah \$10.5 ribu juta telah dibayar lebih awal oleh sektor awam sejak 1987. Sebenarnya kejatuhan tahap hutang adalah tebih besar, jika tidak kerana penilaian semula hutang yang disebabkan oleh kenaikan nilai beberapa matawang asing, terutama Yen. Hasil dari pembayaran lebih awal, nisbah khidmat hutang, telah berkurangan menjadi 12 peratus berbanding dengan 19 peratus pada tahun 1986.

ISU-ISU PENGURUSAN EKONOMI

Tuan Yang di-Pertua, pertumbuhan ekonomi yang pesat adalah penting untuk menambahkan pendapatan dan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan. Bagi membolehkan pertumbuhan ekonomi dikekalkan di

paras tinggi, pelaburan perlulah dipertingkatkan. Jumlah pelaburan telah bertambah dan dijangka meningkat sebanyak 19 peratus dalam harga sebenar bagi tahun 1989. Pelaburan swasta khususnya, adalah menggalakkan dengan terdapatnya keyakinan yang tinggi terhadap ekonomi negara serta peluang-peluang yang diwujudkan oleh pertumbuhan ekonomi sejak tahun 1987. Kerajaan akan meneruskan usahanya untuk memperbaiki prospek pelaburan bagi meningkatkan tahap pelaburan swasta. Sektor swasta yang dinamis akan menyumbang kepada peningkatan kecekapan dan daya saing ekonomi negara. Ini akan membolehkan kita menghadapi cabaran-cabaran pada masa hadapan khususnya di pasaran antarabangsa.

Langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan bagi memperbaiki iklim pelaburan, terutama sekali melonggar syarat ekuiti serta penurunan cukai syarikat, telah memberi kesan positif terhadap pelaburan asing. Dalam tahun 1988, saham asing dalam projek-projek yang diluluskan oleh MIDA meningkat 168 peratus dan, bagi tempoh sembilan bulan pertama tahun ini ianya telah meningkat 80 peratus. Ramai pelabur dari Negara Perindustrian Baru Asia dan Jepun yang ingin menempatkan semula pelaburan mereka mendapati bahawa Malaysia merupakan sebuah negara yang menarik dan menguntungkan untuk melabur. Ini semua adalah hasil usaha gigih oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian serta beberapa orang Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri.

Pelaburan dalam negeri juga telah mula meningkat. Galakan yang diberikan kepada industri kecil dan sederhana (IKS) serta usaha-usaha oleh Bank Pembangunan, Perbadanan Jaminan Kredit dan institusi kewangan bagi menyediakan pembiayaan yang mempunyai kadar faedah yang

menarik membantu peningkatan ini. Walau bagaimanapun, jumlah pelaburan dalam negeri perlu dipertingkatkan. Pelaburan dalam negeri yang tinggi adalah penting untuk pertumbuhan ekonomi yang stabil dan lebih kukuh dalam jangka panjang.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun perbelanjaan dikawal, Kerajaan akan terus menyediakan peruntukan sewajarnya bagi membasmi kemiskinan dan meningkatkan pendapatan kumpulan miskin serta memperluas dan memperbaiki infrastruktur negara ini. Kepesatan kegiatan ekonomi dalam tempoh tiga tahun yang lepas telah menimbulkan tekanan ke atas infrastruktur, khususnya jalanraya dan pelabuhan. Oleh itu, Kerajaan akan menambahkan peruntukan, bagi memenuhi keperluan ini. Sistem infrastruktur yang baik adalah penting untuk meningkatkan kecekapan dan daya saing ekonomi negara. Walau bagaimanapun, pertambahan dalam perbelanjaan perlu dirancang dengan teliti dan dibelanjakan bagi memenuhi keperluan yang mendesak sahaja.

Pertumbuhan ekonomi yang pesat dalam tempoh tiga tahun yang lalu telah menambahkan peluang pekerjaan. Dengan itu, kadar pengangguran telah berkurangan sedikit. Rakyat Malaysia perlu bersedia untuk mengambil peluang yang diwujudkan hasil dari perkembangan ekonomi dan tidak membenarkan buruh asing merebut peluang ini. Sektor-sektor pertanian dan pembinaan dinegara kita selalu menghadapi masalah kekurangan tenaga pekerja. Pada masa ini kekurangan tenaga pekerja juga didapati dalam beberapa industri dalam sektor perkilangan. Jika rakyat Malaysia yang menganggur tidak berminat menyertai sektor-sektor ini, adalah sukar untuk kita mengurangkan kadar pengangguran. Pencari-pencari kerja hendaklah jangan memilih sangat, tetapi bersedia menerima

sebarang pekerjaan yang ada. Adalah lebih baik mempunyai kerja dari tiada kerja langsung.

Kadar pengangguran yang tinggi di negara kita sebahagiannya disebabkan oleh keadaan pasaran buruh yang sukar diubahsuai. Kita telah mengambil tindakan untuk memperbaiki keadaan ini dengan meminda beberapa undang-undang buruh yang berkaitan. Kerajaan sedar bahawa masih banyak tindakan perlu diambil, khususnya bagi mengubah sistem penentuan upah, supaya kadar upah lebih mudah berubah dan selaras dengan daya pengeluaran. Saya menyeru majikan dan kesatuan sekerja supaya memberi pertimbangan yang serius kepada perkara ini, demi kepentingan bersama mereka, dalam memperbaiki pasaran buruh dan mewujudkan satu sistem upah yang lebih sesuai. Tindakan ini boleh meningkatkan penyerapan buruh dan mengurangkan kos serta harga dalam negara ini.

STRATEGI BELANJAWAN 1990

Tuan Yang di-Pertua, strategi Belanjawan 1990 adalah digubal berdasarkan kepada asas-asas ekonomi yang baik ketika ini dan bagi menyediakan ekonomi negara menghadapi tahun-tahun 1990-an. Strategi belanjawan adalah seperti berikut:

- (i) mengekalkan pertumbuhan di tahap yang tinggi;
- (ii) mengawal kenaikan harga; dan
- (iii) meneruskan kawalan ke atas perbelanjaan awam.

MENGEKALKAN PERTUMBUHAN EKONOMI

Di dalam Belanjawan 1989, saya telah mengumumkan beberapa langkah untuk mengubahsuai sistem

cukai bagi menambah pelaburan, menggalakkan pertumbuhan ekonomi serta memastikan hasil adalah cukup untuk membiayai perbelanjaan awam. Langkah-langkah ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan. Ia telah menyumbangkan kepada pertambahan pelaburan serta menggalakkan pembangunan pasaran modal dan harta tanah. Saya mencadangkan beberapa langkah tambahan dalam belanjawan ini.

Kajian Semula Cukai Pembangunan

Cukai pendapatan syarikat telah dikurangkan dari 40 peratus kepada 35 peratus dalam Belanjawan yang lalu sebagai strategi menyeluruh untuk mengurangkan kadar cukai-cukai tangsung. Saya juga telah mengumumkan bahawa cukai pembangunan sebanyak 5 peratus akan dimansuhkan secara beransur-ansur. Sekarang saya bercadang mengurangkan cukai pembangunan dari 5 peratus kepada 4 peratus mulai tahun taksiran 1990. Pengurangan ini adalah untuk individu dan juga syarikat. Pemansuhan cukai pembangunan kelak beserta dengan kadar cukai syarikat yang rendah akan menjadikan kadar cukai di Malaysia lebih kompetitif dan menggalakkan lebih banyak pelaburan.

Sekatan ke atas Bonus Ditarik Balik

Pada masa ini, bayaran bonus oleh syarikat dibenarkan sebagai potongan dari cukai pendapatan. Jumlah ini tertakluk kepada had maksimum \$2,000 atau 2 bulan gaji yang boleh ditambah tidak melebihi dua kali ganda peratus kenaikan keuntungan bersih mengikut yang mana lebih tinggi. Walaupun had maksimum tersebut baru sahaja dipinda dalam Belanjawan lalu, pihak swasta melalui Dialog Belanjawan berpendapat bahawa had yang dikenakan menyekat pemberian ganjaran dan menghalang pekerja dari mempertingkatkan daya pengeluaran mereka. Untuk mengadakan sistem

gaji yang flexible di mana prestasi yang baik diberi ganjaran sewajarnya, saya cadangkan supaya sekatan ke atas bonus dimansuhkan. Walau bagaimanapun, bagi memastikan majikan tidak mengambil peluang membayar gaji yang terlalu rendah kepada pekerja dengan tujuan mengurangkan sumbangan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), saya cadangkan supaya semua bonus adalah tertakluk kepada sumbangan KWSP.

Langkah-langkah untuk Memajukan Industri Pelancongan

Tuan Yang di-Pertua, industri pelancongan semakin berkembang dengan pesat dan menyerap lebih banyak tenaga, kerja. Kita telah menyediakan peruntukan yang agak besar beberapa tahun yang lepas untuk menggalakkan perkembangan sektor ini. Kini kita mula melihat kesan perbelanjaan tersebut. Kedatangan pelancong telah bertambah dan hotel-hotel telah menikmati perniagaan yang lebih baik. Dengan publisiti yang luas tentang tarikan-tarikan di Malaysia, kita yakin ketibaan pelancong akan meningkat tahun hadapan. Jumlah ketibaan pelancong dijangka meningkat 10 peratus kepada 4.3 juta ketibaan dalam tahun 1990. Walau bagaimanapun, kerja-kerja penggalakan perlu diteruskan dalam tahun-tahun berikutnya dan semua rakyat Malaysia hendaklah memberi sokongan yang penuh kepada usah-usaha ini. Kerajaan telah pun mengenalpasti industri pelancongan sebagai salah satu sektor utama di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986. Selaras dengan itu, beberapa galakan telah disediakan bagi membangunkan sektor ini.

Prospek untuk membangun industri pelancongan seterusnya adalah eerah. Kerajaan telah mengisytiharkan tahun 1990 sebagai Tahun Melawat Malaysia bagi memberi perangsang kepada pembangunan pelancongan dan untuk

menarik lebih ramai pelancong antarabangsa melawat Malaysia. Oleh kerana kedatangan pelancong dijangka meningkat, Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) telah memulakan program membesarkan keupayaannya dengan membeli lebih banyak pesawat untuk penerbangan jauh dan dekat serta menambahkan destinasi penerbangannya di luar negeri. Beberapa syarikat penerbangan asing juga akan memulakan penerbangan ke Malaysia.

Melalui Perbadanan Kemajuan Pelancongan, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk menggalak pelancongan. Kita semua perlulah membantu usaha ini dengan bersikap ramah mesra, bersopan santun dan jujur terhadap pelancong. Operator pelancong serta pengusaha-pengusaha hotel perlulah memperbaiki kualiti perkhidmatan dan kemudahan pelancongan. Kemudahan-kemudahan hendaklah disediakan pada kos yang berpatutan. Untuk menggalakkan bagi pembangunan industri pelancongan dan untuk menambah pelaburan dalam sektor ini, saya mencadangkan langkah-langkah berikut:

- (i) potongan dua kali diberi kepada pengusaha hotel dan operator pelancongan bagi perbelanjaan tertentu ke atas usaha-usaha promosi di luar negeri;
- (ii) potongan dua kali diberi bagi perbelanjaan ke atas latihan-latihan yang diluluskan oleh Kementerian Kebudayaan dan Petancongan untuk mempertingkatkan tahap kemahiran dan profesionalisma dalam industri pelancongan;
- (iii) semua kereta mewah yang dipasang dalam negeri dan diguna dalam industri pelancongan dikecualikan dari duti import dan eksais. Pengecualian ini

berkuatkuasa mulai hari Belanjawan hingga Disember 1990 dan tertakluk kepada beberapa syarat tertentu;

- (iv) cukai perkhidmatan di Labuan dimansuhkan;
- (v) untuk menggalakkan pembinaan hotel-hotel kecil bagi memenuhi keperluan pelancong-pelancong yang terhad perbelanjaan mereka, had pengecualian cukai perkhidmatan bagi hotel-botel dinaikkan dari 6 buah bilik ke bawah kepada 25 buah bilik ke bawah; dan
- (vi) untuk menambahkan lagi bilangan barang-barang yang boleh dibeli oleh pelancong-pelancongan tanpa cukai jualan, saya bercadang mengecualikan barang-barang pewter daripada cukai jualan. Pada masa ini kamera, jam tangan, pemetik api, pen, radio transistor, minyak wangi dan alat solek telah pun dikecualikan dari cukai jualan dan duti import.

Cadangan untuk Membantu Industri Pembinaan dan Perumahan

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini, kebanyakan bahan binaan asas yang digunakan dalam industri pembinaan, terutama sekali untuk perumahan kos rendah dikecualikan dari cukai jualan. Untuk membantu lagi industri ini, saya mencadangkan supaya bata konkrit dan, beberapa jenis kayu gergaji yang masih tertakluk kepada cukai jualan dikecualikan dari cukai jualan. Adalah diharapkan tindakan ini akan mengawal kenaikan harga dalam sektor pembinaan.

Pada ketika ini terdapat persaingan yang sihat di kalangan institusi kewangan bagi membiayai pembelian rumah berasaskan syarat yang lebih menarik khususnya untuk rumah kos

rendah. Ini telah membantu industri perumahan pulih daripada masalah-masalah yang dihadapinya dua atau tiga tahun yang lalu disebabkan kemerosotan permintaan serta banyaknya harta yang belum lagi dijual. Untuk membantu industri perumahan, saya bercadang melonggarkan syarat-syarat yang dikenakan ke atas skim pinjaman perumahan untuk pegawai-pegawai Kerajaan. Syarat-syarat baru yang akan dilaksanakan bermula dari hari ini adalah seperti berikut:

- (i) kakitangan Kerajaan kini boleh memohon pinjaman perumahan apabila mencapai umur 25 tahun berbanding dengan umur 30 tahun pada masa kini dengan syarat semasa memohon, mereka telah pun disahkan dalam jawatan dan telah berkhidmat dengan Kerajaan tidak kurang dari 5 tahun;
- (ii) bagi suami isteri yang bekerja dengan Kerajaan, mereka boleh memilih untuk memohon pinjaman secara berasingan;
- (iii) kakitangan awam yang telah membeli rumah menerusi pinjaman bank dan belum membuat permohonan Kerajaan kini boleh membuat permohonan pinjaman perumahan; dan
- (iv) suami dan isteri kakitangan awam yang telah mengambil pinjaman perumahan secara individu atau bersama-sama, dan selepas itu meninggalkan perkhidmatan Kerajaan boleh memindahkan pinjaman tersebut kepada suami atau isteri mereka yang masih dalam perkhidmatan Kerajaan dengan syarat suami atau isteri mereka itu layak mendapat pinjaman.

Oleh kerana keadaan pasaran harta kini lebih kukuh, saya harap pemaju-pemaju perumahan tidak mengambil kesempatan untuk menaikkan harga. Pemaju perumahan harus sedar bahawa tindakan menaikkan harga tidak menguntungkan dalam jangka panjang. Mereka tidak seharusnya melihat kepada kepentingan jangka pendek semata-mata. Sebaliknya mereka hendaklah mengutamakan kepentingan jangka panjang dan mempelajari dari kesilapan masa dahulu.

Tambahan Galakan Cukai untuk Industri Berasaskan Rotan dan Kayu

Tuan Yang di-Pertua, industri berasaskan rotan dan kayu memainkan peranan yang penting dalam memberi sumbangan kepada pembangunan sektor perkilangan, pertumbuhan pengeluaran, peluang pekerjaan dan pendapatan pertukaran asing. Malaysia, terutama sekali, negeri-negeri Sabah dan Sarawak, mempunyai sumber perhutanan yang banyak, tetapi pembangunan aktiviti hilir adalah kurang dan kebanyakannya ditumpukan di Semenanjung Malaysia. Dari segi nilai, misalnya, eksport perabot hanya berjumlah kira-kira sebanyak \$166 juta sahaja dalam tahun 1988 berbanding dengan eksport kayu balak berjumlah kira-kira sebanyak \$4 ribu juta. Hampir semua eksport kayu balak berasal dari Sabah dan Sarawak. Eksport kayu balak tidak menghasilkan apa-apa nilai tambah tempatan. Untuk mengurangkan eksport rotan dan kayu balak, serta bagi mewujudkan permintaan tempatan dan lebih banyak peluang pekerjaan, pelaburan dalam aktiviti hilir perlulah digalakkan terutamanya di Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai langkah untuk membantu pembangunan industri berasaskan rotan dan kayu, saya cadangkan tambahan galakan seperti berikut:

- (i) lanjutan taraf perintis selama lima tahun akan diberikan

kepada pengilang perabot dan komponen perabot dari rotan dan kayu walaupun mereka tidak memenuhi kriteria semasa mengenai modal dan tenaga pekerja untuk mendapat lanjutan taraf perintis; dan

- (ii) pada masa ini, syarikat yang mengilang komponen perabot bagi rotan dan kayu layak mendapat galakan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986, jika mereka mengeksport 80 peratus atau lebih daripada keluaran mereka. Sekarang, saya cadangkan syarikat yang mengeksport 60 peratus atau lebih daripada keluaran komponen perabot juga layak untuk mendapat galakan di bawah Akta ini asalkan sekurang-kurangnya 51 peratus daripada ekuiti syarikat dipegang oleh rakyat Malaysia.

Saya juga cadangkan galakan tambahan diberi kepada pengilang barang-barang berasaskan rotan dan kayu di Sabah dan Sarawak seperti berikut:

- (i) pada masa ini, pengilang barang-barang berasaskan rotan dan kayu (tidak termasuk kayu gergaji dan veneer) untuk pasaran eksport sahaja yang layak mendapat galakan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986. Galakan ini sekarang diperluaskan kepada pengilang yang mengeluarkan untuk pasaran tempatan;
- (ii) pengilang barang-barang berasaskan rotan dan kayu (tidak termasuk kayu gergaji dan veneer) untuk pasaran eksport akan mendapat lanjutan taraf perintis selama 5 tahun tanpa perlu memenuhi kriteria semasa mengenai

modal dan tenaga pekerja untuk mendapat lanjutan taraf perintis;

- (iii) pada masa ini, pengecualian sepenuhnya duti import dan cukai tokok diberi ke atas bahan mentah atau komponen yang digunakan untuk mengilang barang-barang berasaskan rotan dan kayu untuk pasaran eksport. Kemudahan ini sekarang diperluaskan kepada pengilang bagi pasaran tempatan; dan
- (iv) pengilang yang mengeksport barang-barang berasaskan rotan dan kayu (kecuali kayu gergaji dan veneer) akan layak mendapat potongan cukai dua kali atas kos pengangkutan yang ditanggungnya.

Pembangunan Pasaran Modal

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah memperkenalkan beberapa pembaharuan untuk memajukan sistem kewangan. Dasar-dasar akan terus digubal dan dilaksanakan untuk menjadikan sistem kewangan sebagai penggerak dan yang lebih berkesan bagi menggalakkan sektor swasta bertindak sebagai jentera utama pertumbuhan. Untuk menggalakkan lagi pasaran sekuriti di Malaysia, tindakan telah diambil untuk menubuhkan agensi penilai kredit persendirian bagi mendorong syarikat-syarikat yang mempunyai kedudukan kredit yang baik memperolehi lebih banyak dan dengan kadar yang munasabah terus dari pasaran.

Selaras dengan usaha-usaha untuk membangun pasaran modal, saya bercadang mengecualikan duti setem ke atas semua suratcara yang terlibat dalam urusi niaga peringkat kedua bagi amanah unit saham dan hartanah. Langkah ini adalah selaras dengan pengecualian duti setem yang telah diberi bagi suratcara yang terlibat dalam urusi niaga peringkat kedua bagi bon korporat.

Beberapa langkah telah pun diambil untuk memajukan dan memodenkan industri sekuriti. Walau bagaimanapun, oleh kerana faktor sejarah, Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) mempunyai ikatan rapat dengan Bursa Saham Singapura (BSS). Ini telah menyebabkan BSKL mudah dipengaruhi oleh perkembangan di Singapura. Kita masih ingat lagi peristiwa penutupan dagangan selama tiga hari di BSKL pada bulan Disember 1985, yang disebabkan oleh penutupan BSS, berikutan dengan krisis Pan Electric. Satu peristiwa lain yang sama berlaku pada 14 November 1986, iaitu satu hari cuti am di Malaysia, apabila harga saham beberapa syarikat yang ditubuhkan di Malaysia mengalami kejatuhan yang besar kepada kurang daripada setengah nilainya kerana penjualan yang terlalu banyak di Singapura.

Keadaan ini adalah tidak menggalakkan kerana saham beberapa syarikat Malaysia adalah juga disenaraikan di BSS. Oleh itu demi kepentingan negara, Kerajaan telah mengambil keputusan untuk memindahkan BSKL sepenuhnya dari BSS. Ini akan membantu menjadikan BSKL sebagai salah sebuah pasaran saham yang terkemuka di rantau ini. Pemisahan ini adalah satu perkembangan yang logik dalam pasaran saham Malaysia. Saya harap BSKL dan syarikat-syarikat Mataysia akan mengambil tindakan sewajarnya untuk melaksanakan keputusan ini serta merta.

Sebenarnya tindakan ke arah memisahkan pasaran saham telah pun bermula. Sejak Disember 1985 Kerajaan telah tidak membenarkan syarikat-syarikat yang baru untuk disenaraikan di BSS. Langkah ini telah tidak menjejaskan harga dan urusan di pasaran saham. Tambahan pula, syarikat-syarikat yang disenaraikan di papan kedua BSKL yang dilancar dalam tahun 1988 adalah tidak

disenaraikan di BSS. Syarikat-syarikat Singapura juga tidak disenaraikan di papan kedua BSKL.

Bantuan untuk Industri Kecil dan Sederhana

Tuan Yang di-Pertua, dalam Belanjawan Tahun yang lepas Kerajaan telah memperkenalkan beberapa galakan cukai dan juga skim pinjaman menarik bagi menggalakkan perkembangan industri kecil dan sederhana (IKS) di negara ini. Saya berterima kasih kepada Kerajaan-kerajaan Negeri yang telah menyediakan tapak bagi industri kecil dan sederhana. Saya harap Kerajaan-kerajaan Negeri akan terus bekerjasama untuk tujuan ini. IKS memainkan peranan yang penting dalam proses perindustrian sesebuah negara, dengan menyokong industri-industri besar menerusi bekalan komponen dan perkhidmatan, di samping mengadakan peluang pekerjaan. Kajian tahun 1986 menunjukkan bahawa IKS merupakan 81 peratus dari bitangan syarikat dalam sektor perkilangan, tetapi hanya menyumbang 20 peratus kepada jumlah nilai ditambah dan 30 peratus kepada jumlah gunatenaga sektor perkilangan.

Oleh kerana modal syarikat-syarikat ini kecil, mereka mendapati sukar menjalankan kajian kemungkinan dan pembangunan dan penyelidikan bagi mengenalpasti peluang-peluang dan keluaran-keluaran baru, memperbaiki proses pengeluaran serta menjalankan pemasaran.

Bagi membantu perkembangan sektor ini di masa hadapan, saya mencadangkan supaya satu Kumpulan Wang Bantuan Teknik IKS ditubuhkan. Kumpulan Wang ini akan memberi geran bersamaan dengan jumlah yang dibelanjakan oleh pihak swasta untuk kajian kemungkinan, penyelidikan dan pembangunan. Dalam kes-kes tertentu di mana sesuatu kegiatan itu didapati berdaya

maju, pinjaman bersyarat menarik akan disediakan.

Butir-butir lanjut mengenai operasi Kumpulan Wang ini akan dibincangkan dengan agensi-agensi dan badan-badan berkenaan dalam sektor swasta dan awam. Buat permulaan. Kerajaan akan menyediakan peruntukan sebanyak \$50 juta kepada Kumpulan Wang ini yang dijangka menjalankan kegiatannya pada awal tahun 1990.

Peranan dan pembangunan IKS akan dipertingkatkan dengan pelan-caran Skim Pembiayaan Semula Kredit Eksport (SPSKE) serta pelaksanaan Skim Insuran Jaminan Kredit Eksport (SIJKE) yang telah diubahsuai sebelum ini. SPSKE telah pun dilaksanakan secara percubaan. Bermula daripada 2 November 1989 ia akan diperluaskan kepada semua pengeksport termasuk pengeksport langsung dan tidak langsung. Bermula dari 2 November juga kemudahan pembiayaan berbentuk pinjaman SPSKE akan diperluaskan menerusi Syarikat Insurans Kredit Eksport Malaysia Sendirian Berhad atau MECIB, di mana satu Skim Baru Insuran/Jaminan Kredit Eksport (SBIJKE) disediakan untuk semua bank perdagangan. Perlaksanaan kedua-dua skim ini ke seluruh negara akan membantu menambahkan pengeluaran untuk eksport menerusi pemberian pembiayaan pada kadar yang bersaing. Bank juga akan dapat mengurangkan risiko yang berkaitan dengan pinjaman kepada pengeksport-pengeksport baru dan kecil dan dengan itu membolehkan mereka menyediakan kemudahan yang lebih banyak.

Seterusnya, modal MECIB akan ditambah dari \$15 juta kepada \$75 juta untuk membolehkannya menanggung risiko yang lebih besar. Di samping itu, Kumpulan Wang Insuran Kredit Eksport akan ditubuhkan bagi mengukuhkan keupayaan MECIB memenuhi tuntutan di masa hadapan. Tindakan

ini akan meningkatkan keyakinan di kalangan pengeksport terhadap kedudukan kewangan MECIB.

Mengawal Tekanan Harga

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha untuk mengawal kenaikan harga, dasar-dasar belanjawan dan kewangan akan dirancang supaya ianya tidak memburukkan lagi tekanan inflasi atau meningkatkan jangkaan inflasi, tetapi sebaliknya membantu perkembangan kegiatan ekonomi menerusi peningkatan keupayaan pengeluaran dalam sektor-sektor lain. Oleh itu, adalah tidak wajar untuk mengadakan dasar belanjawan yang berkembang. Pertumbuhan perbelanjaan Kerajaan juga akan terus dikawal. Teras dasar kewangan ialah memastikan bahawa jumlah mudah-tunai adalah cukup bagi menampung perkembangan kegiatan ekonomi, tanpa menambahkan tekanan ke atas permintaan penggunaan dan pelaburan yang kukuh pada masa ini.

Untuk mengawal kenaikan harga, persaingan yang lebih besar perlu digalakkan di dalam pengeluaran dalam negeri dan import bagi barang-barang tertentu. Ini akan meningkatkan bekalan tempatan dan membantu mengawal kenaikan harga. Oleh itu, saya cadangkan perubahan-perubahan ke atas duti import, cukai jualan, cukai tokok dan duti eksais bagi beberapa jenis barang diturunkan. Ini termasuklah:

- (i) barang-barang makanan seperti sayur-sayuran, rempah, daging dan margerin;
- (ii) input yang digunakan dalam sektor pertanian seperti baja dan bahan-bahan yang digunakan bagi mengeluarkan barang-barang makanan seperti jus dan lemak anhydrous; dan

- (iii) barang-barang keperluan rumah tangga termasuk sabun, syampu, minyak rambut, mancis, peralatan memasak, mesin basuh, kipas angin, peti sejuk yang kurang dari 350 liter dan periuk nasi elektrik.

Di samping itu saya mencadangkan supaya duti import ke atas komponen CKD bagi lori dan bas yang dipasang dalam negeri serta duti eksais ke atas bas dihapuskan. Saya juga mencadangkan supaya duti eksais ke atas motosikal tidak melebihi 150 c.c. dikurangkan dari 20 peratus kepada 10 peratus.

Dalam Belanjawan Tahun 1985 saya telah memperkenalkan beberapa perubahan kepada bayaran-bayaran yang dikenakan di bawah Akta Pengangkutan Jalan. Bayaran-bayaran ini perlu dikaji semula. Oleh itu, saya ingin mencadangkan beberapa pengurangan. Pertama bayaran pindah hakmilik ke atas kenderaan bermotor dikurangkan daripada \$300 kepada \$100 untuk pindahan hakmilik dari individu kepada syarikat. Kedua, cukai jalan bagi motosikal antara 250 c.c. hingga 500 c.c. dikurangkan daripada \$150 kepada \$100, manakala bagi motosikal melebihi 500 c.c. dikurangkan daripada kadar ad valorem kepada \$130 setahun. Seterusnya, cukai jalan bagi bas dan lori yang dipunyai oleh sekolah latihan memandu dikurangkan daripada kadar ad valorem kepada \$600 setahun.

Kawalan ke atas Perbelanjaan

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan Strategi Belanjawan 1990 saya mencadangkan sejumlah \$33,405 juta diperuntukkan bagi Belanjawan 1990. Daripada jumlah ini sebanyak \$24,148 juta atau 72 peratus ialah untuk perbelanjaan mengurus manakala \$9,257 juta atau 28 peratus ialah untuk perbelanjaan pembangunan.

Jumlah perbelanjaan yang dijangka untuk tahun 1990 menunjukkan pertambahan sebanyak 11 peratus dari peruntukan tahun 1989. Tambahan ini adalah perlu dan sesuai untuk memenuhi keperluan mengurus Kerajaan serta menyediakan perbelanjaan pembangunan bagi memajukan asas pengeluaran ekonomi negara'. Kerajaan akan berusaha dengan gigih untuk menyediakan perkhidmatan awam yang luas dan bermutu tinggi kepada rakyat. Walau bagaimanapun, pertambahan perbelanjaan akan dibuat dengan mengambilkira perkembangan dalam ekonomi serta keupayaan Kerajaan membiayai perbelanjaan itu tanpa menambahkan keseluruhan defisit sektor awam.

Saya sukacita melaporkan bahawa kedudukan kewangan Kerajaan telah bertambah baik, berikutan dasar berjimat cermat selama beberapa tahun. Hasil Kerajaan Persekutuan dijangka bertambah 9 peratus pada tahun ini. Bagi tahun 1990 hasil dijangka meningkat kepada \$24,589 juta, atau 3 peratus melebihi anggaran hasil tahun 1989 sebelum mengambilkira perubahan cukai. Selepas mengambilkira kehilangan hasil berjumlah \$194 juta, akibat dari pemansuhan dan pengurangan cukai yang dicadangkan dalam Belanjawan ini, akaun semasa dijangka menunjukkan lebihan sebanyak \$247 juta.

Perbelanjaan Mengurus

Tuan Yang di-Pertua, daripada jumlah perbelanjaan mengurus sebanyak \$24,148 juta, sebanyak \$9,361 juta adalah bagi perbelanjaan tertanggung. Jumlah ini meliputi \$6,700 juta untuk bayaran khidmat hutang, \$1,074 juta untuk pencen dan ganjaran, \$1,063 juta untuk geran dan pampasan kepada Kerajaan-Kerajaan Negeri serta caruman kepada pertubuhan antarabangsa. Sejumlah \$524 juta ialah untuk bayaran balik, duti kastam dan cukai pendapatan.

Di samping itu, sejumlah \$8,864 juta adalah diperuntukkan untuk emolumen, \$516 juta untuk subsidi dan \$234 juta untuk sewaan.

Baki sebanyak \$5,173 juta adalah disediakan untuk keperluan perbelanjaan lain yang meliputi pembelian aset, bayaran utiliti serta lain-lain kos dan bayaran berulang.

Perbelanjaan mengurus 1990 bertambah sebanyak \$1,863 juta atau 8 peratus melebihi peruntukan belanja mengurus 1989. Sebahagian besar daripada pertambahan ini ialah untuk keperluan perbelanjaan tambahan bagi geran, emolumen, perkhidmatan dan bekalan dan perolehan aset.

Perbelanjaan emolumen bagi tahun 1990 bertambah sebanyak \$377 juta atau 4 peratus melebihi peruntukan tahun 1989 yang berjumlah \$8,487 juta. Dalam hubungan ini, sejumlah \$126 juta atau 33 peratus daripada pertambahan emolumen bagi tahun 1990 ialah untuk Kementerian Pendidikan. Ini adalah untuk pengambilan 10,380 orang guru untuk sekolah rendah dan 4,582 orang guru untuk sekolah menengah di samping membiayai kos kenaikan gaji tahunan. Dengan pertambahan bilangan guru, sistem pendidikan negara ini akan diperkuatkan lagi selaras dengan dasar Kerajaan untuk meningkatkan kemahiran tenaga kerja dan sumber tenaga manusia.

Kerajaan akan juga menyediakan peruntukan yang lebih untuk tujuan menyelenggara dan membeli harta. Dalam tahun-tahun yang lepas peruntukan untuk perbelanjaan ini telah dikurangkan dengan ketara memandangkan kedudukan kewangan pada masa itu. Bagi tahun 1990, Kerajaan akan menyediakan sejumlah \$784 juta untuk tujuan ini iaitu tambahan sebanyak 17 peratus berbanding dengan peruntukan tahun 1989.

Perbelanjaan Pembangunan

Tuan Yang di-Pertua, saya bercadang memperuntukkan sejumlah \$9,257 juta untuk perbelanjaan pembangunan bagi tahun 1990. Jumlah ini menunjukkan pertambahan sebanyak \$1,378 juta atau 18 peratus melebihi peruntukan asal 1989. Sebanyak \$5,214 juta atau 56 peratus dari peruntukan pembangunan ini ialah untuk sektor ekonomi. Bagi sektor sosial sejumlah \$2,656 juta atau 29 peratus akan diperuntukkan manakata \$725 juta atau 8 peratus ialah untuk sektor keselamatan. Sektor pentadbiran am akan disediakan sejumlah \$262 juta atau 3 peratus dari jumlah peruntukan perbelanjaan pembangunan. Bakinya sejumlah \$400 juta ialah untuk simpanan luar jangka. Pada tahun 1990 kira-kira % daripada peruntukan perbelanjaan pembangunan, adalah untuk luar bandar.

Memandangkan tahun 1990 ialah tahun akhir pelaksanaan Rancangan Malaysia Kelima, tumpuan peruntukan perbelanjaan pembangunan tahun 1990 ialah untuk menyiapkan projek-projek yang sedang dilaksanakan. Belanjawan ini juga menitikberatkan pembangunan kemudahan infrastruktur bagi mengurangkan halangan-halangan yang terdapat ke atas keupayaan infrastruktur. Kerajaan akan melaksanakan sejumlah 126 projek dalam tahun 1990 bagi memperbaiki dan menambahkan kemudahan infrastruktur yang ada serta juga membina kemudahan-kemudahan baru untuk memenuhi kehendak sektor perindustrian yang berkembang. Projek-projek ini meliputi jalanraya, lebuhraya, pelabuhan, lapangan terbang serta bekalan elektrik dan air. Sejumlah \$2,858 juta telah diperuntukkan untuk infrastruktur tersebut yang meliputi projek-projek di kawasan bandar dan luar bandar.

Pertanian

Tuan Yang di-Pertua, sektor pertanian masih menjadi asas ekonomi Malaysia. Walaupun sektor pembuatan telah mengatasi sektor pertanian dari segi sumbangannya kepada KDNK, sektor pertanian masih merupakan punca gunatenaga yang utama. Sektor ini menyumbangkan 30 peratus clari jumlah gunatenaga, 25 peratus dari jumlah pendapatan eksport serta 20 peratus kepada KDNK. Menyedari betapa mustahaknya sektor pertanian dan peranannya dalam membasmi kemiskinan, Kementerian Pertanian telah melaksanakan beberapa program yang inovatif. Tidak berapa lama lagi Sistem Kotak Awal Pembasmian Kemiskinan akan dilaksanakan bagi membantu petani-petani mengenalpasti jenis-jenis tanaman dan aktiviti-aktiviti pertanian baru yang mereka boleh sertai untuk melepaskan mereka daripada belunggu kemiskinan. Sekiranya petani-petani mengikut nasihat yang terdapat di bawah sistem ini, pendapatan mereka boleh meningkat. Kerajaan berharap petani-petani akan merebut peluang ini bagi menambahkan pendapatan mereka.

Bagi tahun 1990 sejumlah \$1,693 juta atau 18 peratus dahpada jumlah perbelanjaan pembangunan diperuntukkan untuk sektor pertanian. Daripada jumlah ini, \$741 juta ialah untuk pembangunan tanah, pemulihan dan penyatuan tanah terbiar serta tanaman semula getah oleh agensi-agensi seperti FELDA, FELCRA dan RISDA. Peruntukan ini ialah untuk pelaksanaan projek-projek baru serta meneruskan projek-projek yang sedia ada. Baja tahun 1990 FELDA akan memajukan sejumlah 3,129 hektar untuk tanaman getah manakala 17,456 hektar lagi akan ditanam dengan kelapa sawit. FELDA juga akan menyiapkan projek-projek yang sedia ada yang meliputi 43,511 hektar getah dan 232,336 hektar kelapa sawit. RISDA akan menanam semula

sejumlah 38,446 hektar kebun kecil getah dalam tahun 1990. Di bawah program pemulihan dan penyatuan tanah terbiar sejumlah 25, 938 hektar tanah kepunyaan pekebun kecil dijangka akan dimajukan oleh FELCRA dalam tahun 1990 di samping meneruskan projek-projek yang belum siap seluas 111,163 hektar.

Untuk meneruskan pembangunan pertanian, sejumlah \$218 juta akan diperuntukkan kepada projek-projek pertanian bersepadu. Skim subsidi baja padi akan terus dilaksanakan dalam tahun 1990 dengan peruntukan sejumlah \$84 juta. Bagi meningkatkan daya pengeluaran sektor pertanian di samping mempertingkatkan mutu pengeluarannya sejumlah \$45 juta telah disediakan oleh penyelidikan dan pembangunan. Di samping itu, \$367 juta telah pun diperuntukkan untuk perkhidmatan sokongan sektor pertanian dan industri ternakan.

Kerajaan akan meneruskan usaha-usaha ke arah pemodenan sektor pertanian dan pengeluaran pertanian secara komersial untuk membasmi kemiskinan dan meningkatkan pengeluaran makanan. Antara langkah yang telah dan sedang dilaksanakan termasuklah penubuhan estet mini untuk tanaman berkelompok bagi menggalakkan pengurusan kebun yang baik, pemberian latihan kepada petani-petani mengenai kaedah pertanian moden, memperbaiki mutu keluaran pertanian, serta memesatkan lagi kegiatan penyelidikan dan pembangunan. Di samping usaha raemperbaiki kecekapan pertanian menerusi perkhidmatan perkembangan yang lebih berkesan, Kerajaan akan terus membantu petani-petani kecil dalam bidang pemasaran keluaran mereka. Dalam hubungan ini pasar tani yang diperkenalkan dalam tahun 1985 akan diperluaskan kerana pasar-pasar ini telah terbukti menjadi satu saluran pemasaran yang berkesan untuk keluaran pekebun kecil.

Pendidikan

Tuan Yang di-Pertua, sejak Merdeka kita telah mencapai banyak kemajuan dalam bidang pendidikan. Satu daripada sebab-sebabnya ialah perbelanjaan besar yang telah dibuat di bidang ini dalam setiap tahun belanjawan. Perbelanjaan kita untuk pendidikan sebagai peratusan daripada KDNK adalah lebih berbanding dengan beberapa negara maju. Ini telah membolehkan sistem pendidikan negara memenuhi kehendak yang berubah-ubah dari masyarakat dan ekonomi negara. Sistem pendidikan kita telah mengalami beberapa perubahan. Ketika ini kita sedang mengkaji semula Akta Pelajaran bagi memastikan sistem pendidikan negara berupaya menyediakan belia-belia kita untuk menghadapi cabaran-cabaran di masa hadapan. Kajian semula Akta Pelajaran ini bukan sahaja akan meneliti dari segi kandungan pendidikan tetapi juga dari segi struktur pendidikan yang mengutamakan kemahiran amali yang berkait dengan perkara-perkara teknikal, bagi memenuhi keperluan tenaga kerja teknikal negara ini. Kita yakin bahawa perubahan-perubahan ini akan menghasilkan warganegara yang bermoral tinggi dan berpegang teguh kepada ajaran ugama.

Pada akhir tahun 1990 Kerajaan dijangka dapat menyiapkan sejumlah 4,430 projek sekolah di bawah Program Pendidikan Rendah, yang meliputi pembinaan 10,163 bilik darjah. Bagi Program Pendidikan Menengah pula, 3,008 projek sekolah yang melibatkan pembinaan sebanyak 13,411 bilik darjah sedang dilaksanakan. Sebanyak 24 buah projek lagi adalah bertujuan meningkatkan taraf sekolah-sekolah yang ada dan sebanyak 12 projek adalah bagi pembinaan sekolah haru di bawah Program Pendidikan Teknikal dan Vokasional. Adalah dijangkakan kira-kira-2.5 juta murid atau 99 peratus dari kanak-kanak yang sepatutnya

berada di bangku sekolah rendah akan dapat ditempatkan. Adalah juga dijangkakan 1.4 juta penuntut akan ditempatkan di sekolah-sekolah menengah pada tahun 1990. Ini akan meningkatkan nisbah kemasukan pelajar ke peringkat sekolah menengah rendah menjadi 84 peratus dan bagi sekolah menengah atas menjadi 49 peratus.

Selain dari itu, peruntukan juga disediakan bagi Program Sokongan Pendidikan seperti pembinaan asrama termasuk asrama desa, rumah guru luar bandar, bantuan pendidikan khas, kemudahan sukan serta kerja-kerja membaikpulih atau ubahsuai bangunan-bangunan sekolah yang lama.

Kerajaan akan terus mengambil langkah-langkah positif bagi memperbaiki mutu pendidikan. Selaras dengan ini kurikulum baru sekolah rendah (KBSR) dan sekolah menengah (KBSM) telah pun diperkenalkan. Di bawah kurikulum baru ini penuntut-penuntut diajar bukan sahaja kemahiran asas iaitu membaca, menulis dan mengira tetapi juga memberi tekanan kepada pembinaan peribadi yang sempurna dan lengkap menerusi pengenalan aspek-aspek kemahiran hidup seperti selok belok perniagaan, ekonomi rumah tangga, pertanian dan perhubungan keluarga.

Saya ingin menegaskan bahawa guru-guru memainkan peranan penting dalam menjayakan usaha-usaha Kerajaan memajukan sistem pendidikan di negara ini. Kerajaan mengambil berat terhadap kebajikan guru-guru dan telah pun bersetuju melaksanakan skim gaji dua peringkat dalam perkhidmatan pendidikan.

Pengangkutan

Tuan Yang di-Pertua, sektor pengangkutan telah diperuntukkan sejumlah \$1,959 juta, iaitu pertambahan sebanyak 8 peratus

melebihi peruntukan asal 1989. Peruntukan yang besar ini adalah selaras dengan usaha Kerajaan untuk menyediakan kemudahan infrastruktur yang lebih baik, termasuk menaikkan taraf dan memperbaiki jalanraya di seluruh negara. Bagi memperbaiki perkhidmatan keretapi, sebanyak \$61 juta disediakan untuk meneruskan kerja-kerja pemuliharaan landasan keretapi yang bermula sejak 1988. Bagi tahun 1990, projek ini melibatkan kerja-kerja pemuliharaan landasan antara Slim River dan Seremban sepanjang 190 km. dan antara Paloh dan Singapura sepanjang 137 km. Projek Paloh-Singapura, dijangka siap sepenuhnya pada awal 1990 manakala projek Slim River-Seremban dijangka bermula pada awal 1990.

Peruntukan juga disediakan untuk membina landasan keretapi kedua sepanjang 43 km. di antara Kuala Lumpur dan Pelabuhan Klang dan dari Rawang ke Seremban sejauh 105 km.

Beberapa projek bagi meningkatkan kemudahan penerbangan awam sedang giat dilaksanakan. Pembinaan Lapangan Terbang di Sibu memerlukan sebanyak \$15 juta dalam tahun 1990; manakala projek pembesaran Lapangan Terbang Kuantan telah pun dipersetujui. Kerja-kerja memodenkan Sistem Kawalan Trafik Udara yang melibatkan pemasangan alat kelengkapan Sistem Pengawasan Radar Peringkat Kedua di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang dijangka siap pada akhir tahun 1990. Sementara itu, kerja-kerja perluasan sistem ini di Kuching akan siap pada tahun 1991 manakala bagi Kota Kinabalu pada tahun 1992.

Kemudahan-kemudahan baru di Pelabuhan Klang sedang dirancang untuk dibina di Pulau Lumut yang akan melibatkan kos \$450 juta. Pembinaan tiga lebuh raya baru di kawasan Lembah Klang akan juga dilaksanakan.

Pelaksanaan projek-projek ini bukan sahaja akan mempercepatkan pengendalian kargo di Pelabuhan Klang serta meningkatkan kecekapan pergerakan kargo antara Pelabuhan Klang ke Kuala Lumpur dan teiripat-tempat lain, tetapi juga akan meredakan kesesakan lalu-lintas di Lembah Klang. Ini adalah mustahak memandangkan pertumbuhan kargo kontena melalui Pelabuhan Klang yang dijangka meningkat lebih 50 peratus dari tahun 1990 hingga tahun 1995.

Di samping projek-projek tersebut, Kerajaan juga sedang memperbaiki jalan-jalan yang menuju ke kawasan perindustrian utama di seluruh negara. Bekalan air ke kawasan-kawasan perindustrian utama di seluruh negara juga akan diperbaiki. Pelaksanaan projek-projek ini mencerminkan perhatian dan komitmen Kerajaan bagi mengatasi kesesakan di dalam infrastruktur negara.

Pebangunan Infrastruktur dan Kemudahan Awam di Luar Bandar

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan akan terus memberi peruntukan yang besar untuk memperbaiki kemudahan infrastruktur asas di kawasan-kawasan luar bandar. Ini meliputi pembinaan dan pembaikan jalan luar bandar, bekalan elektrik dan air. Sejumlah \$1,144 juta telah diperuntukkan dalam tahun 1990 untuk program-program ini. Bagi jalan luar bandar sejumlah \$524 juta telah diperuntukkan. Adalah dianggarkan sejumlah 3,505 km. jalan luar bandar akan dibina dan ditingkatkan tarafnya di seluruh negara dalam tahun 1990.

Sejumlah \$452 juta disediakan untuk melaksanakan projek bekalan air di kawasan-kawasan luar bandar. Adalah dianggarkan tambahan 100 ribu keluarga di luar bandar akan mendapat faedah dari pelaksanaan projek bekalan air dalam tahun 1990. Dengan pertambahan ini kira-kira 66 peratus dari penduduk luar bandar akan mendapat kemudahan air paip.

Pertambahan ini adalah menggalakkan, berbanding dengan tahun 1980 di mana hanya 43 peratus daripada penduduk luar bandar yang menerima bekalan air.

Sejumlah \$168 juta telah disediakan untuk pembangunan bekalan elektrik di kawasan-kawasan luar bandar. Kira-kira 48 ribu pengguna baru akan menerima faedah dari bekalan elektrik luar bandar dalam tahun 1990. Peruntukan yang besar untuk menyediakan kemudahan asas bagi kawasan luar bandar ini adalah selaras dengan matlamat Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar di bawah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri untuk meninggikan taraf hidup penduduk di luar bandar.

Keselamatan

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan perbelanjaan pembangunan berjumlah \$725 juta adalah disediakan untuk Keselamatan Negara bagi tahun 1990. Dari jumlah tersebut sebanyak \$390 juta ialah bagi pertahanan dan \$335 juta bagi keselamatan dalam negeri. Peruntukan ini ialah bagi meningkatkan keupayaan, kemampuan serta kecekapan Pasukan Polis dalam memelihara keamanan serta ketenteraman awam dan bagi Angkatan Tentera mempertahankan negara.

Pembangunan Golongan Termiskin

Tuan Yang di-Pertua, bagi membantu golongan termiskin, \$68 juta disediakan dalam tahun 1990 bagi memberi bantuan langsung menerusi projek-projek penempatan semula, industri kampung dan pertanian "in-situ".

Bagi meneruskan usaha Kerajaan untuk menyediakan peluang-peluang perniagaan yang lebih kepada masyarakat di kawasan-kawasan luar bandar khususnya kepada golongan termiskin untuk melibatkan diri dalam perniagaan kecil, Kerajaan juga akan mengadakan peruntukan bagi

membayai *Projek Ikhtiar* di seluruh negara. Projek ini bertujuan untuk meningkatkan pendapatan mereka dengan cara menyediakan pinjaman tanpa faedah bagi perniagaan kecil yang boleh menambahkan pendapatan mereka. Kerajaan sedia menambahkan peruntukan untuk Projek Ikhtiar jika perlu.

Pelancongan

Tuan Yang di-Pertua, untuk menggalakkan pembangunan industri pelancongan, peruntukan khas sebanyak \$92 juta telah disediakan. Dari jumlah ini \$46 juta telah pun disediakan bagi tahun 1989 dan bakinya untuk dibelanjakan bagi menjayakan program-program galakan pelancongan khususnya Tahun Melawat Malaysia 1990. Peruntukan ini ialah untuk kerja-kerja penggalakan dan pembaikan kemudahan awam di tempat-tempat pelancongan.

Untuk membantu penduduk di kawasan luar bandar mendapat faedah dari industri pelancongan khususnya semasa Tahun Melawat Malaysia 1990, peruntukan sebanyak \$5 juta akan disediakan berbentuk pinjaman kepada penduduk luar bandar yang ingin menyediakan kemudahan chalet dan kemudahan lain untuk pelancong. Projek-projek ini akan memberi peluang baik kepada pengusaha kecil di kawasan luar bandar untuk menyertai industri pelancongan.

Pengurusan Kewangan Kerajaan

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan peruntukan yang agak besar telah disediakan di bawah perbelanjaan pembangunan bagi tahun 1990, kementerian-kementerian dan agensi-agensi perlulah mengawasi dengan lebih rapi lagi pelaksanaan dan kemajuan projek-projek. Pegawai-pegawai Pengawal hendaklah memastikan bahawa Kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan mempunyai jentera pengawasan yang berkesan untuk mengelakkan masalah

kurang belanja dari peruntukan yang disediakan. Saya sendiri sehng mendapat aduan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dan orang ramai tentang kelewatan dalam melaksanakan projek pembangunan. Saya harap pegawai-pegawai Kerajaan yang terlibat secara langsung dalam pelaksanaan projek akan membuat perancangan lebih awal dan memberi perhatian serius terhadap kelewatan ini. Tidak ada gunanya kita memperuntukkan jumlah yang besar jika pelaksanaannya lembap.

Satu lagi aspek yang perlu diberi penekanan ialah berkaitan dengan pembatalan kontrak. Kegagalan pihak kontraktor untuk memenuhi tanggungjawab mereka telah menyebabkan pelaksanaan beberapa projek telah tergendala. Bagi menentukan bahawa masalah-masalah kontrak sedemikian tidak menghalang kelincinan pelaksanaan projek, Kerajaan akan menyemak semula prosedur-prosedur yang sedia ada bagi mempercepatkan pembatalan kontrak-kontrak yang bermasalah. Biasanya sebelum mendapat kontrak, kontraktor akan berusaha sedaya upaya mendapatnya. Tetapi setelah kontrak diperolehi, ada yang tidak dapat melaksanakannya dalam masa yang ditetapkan. Saya harap kontraktor-kontraktor akan mengambil berat perkara ini dan menumpukan sepenuh perhatian kepada kontrak mereka.

Untuk mempercepatkan keputusan yang berkaitan dengan tender-tender Kerajaan, had bumbung bagi nilai tender yang perlu dirujuk kepada Kementerian Kewangan untuk kelulusan akan dinaikkan daripada \$5 juta kepada \$10 juta. Dengan penurunan kuasa yang lebih ini, maka adalah diharap pelaksanaan projek akan dipercepatkan.

Akauntabiliti yang lebih tinggi adalah perlu di dalam pengurusan

wang awam. Selaras dengan ini, Kementerian Kewangan akan meningkatkan keupayaannya mengenalpasti penyelewengan dalam pengurusan kewangan dan menghapuskan pembaziran.

Untuk mempertingkatkan keberkesanan dan memberi "flexibility" yang lebih di dalam pengurusan Kerajaan, saya telah bersetuju untuk memperkenalkan satu sistem pengurusan kewangan yang baru kepada tiga Kementerian iaitu Kementerian Kerjaraya, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Kebajikan Masyarakat. Sistem baru ini akan dilaksanakan sepenuhnya bagi ketiga-tiga Kementerian pada tahun 1990. Pada hakikatnya sistem baru ini melibatkan penurunan kuasa yang lebih di dalam membuat keputusan untuk membolehkan Pegawai-pegawai Pengawal mengurus selaras dengan prinsip dengan izin "let managers manage". Sistem baru ini akan diawasi pelaksanaannya dan jika didapati berkesan, ia akan diperluaskan kepada Kementerian-kementerian lain.

PERSARAAN AWAL UNTUK KAKITANGAN KERAJAAN

Tuan Yang di-Pertua, saiz perkhidmatan awam masih besar walaupun usaha telah dibuat untuk mengurangkan peranan sektor awam pada tahun-tahun yang lepas. Oieh itu Kerajaan terpaksa membelanjakan sejumlah besar perbelanjaan, untuk emolumen.

Ketika ini kakitangan awam boleh memilih untuk bersara lebih awal apabila sampai umur 45 tahun bagi kakitangan wanita dan 50 tahun bagi laki-laki. Bagi memperkemasakan perkhidmatan awam, saya mencadangkan supaya kakitangan awam di dalam Kumpulan B, C dan D yang berada dalam jawatan berpencen boleh memohon untuk bersara apabila

mereka mencapai umur 40 tahun. Pegawai-pegawai dalam kategori A hanya boleh menggunakan peluang ini atas budi-bicara Kerajaan. Butir-butir mengenai skim ini akan diumumkan kemudian. Persaraan yang lebih awal di kalangan kakitangan Kerajaan untuk melibatkan diri dalam kerjaya di luar sektor awam akan membolehkan mereka bekerja dengan sendiri atau bekerja dengan sektor swasta yang akan mendapat faedah dari pengalaman mereka.

Penswastaaan

Pelan Induk Penswastaaan telah pun disiapkan dan kini sedang dalam pertimbangan. Pelan ini mencadangkan supaya 246 agensi dan perbadanan sektor awam diswastakan. Setakat ini Kerajaan telah menswastakan 22 agensi atau kegiatan. Saya ingin menekankan bahawa dasar penswastaaan akan diteruskan dan Kerajaan akan meminda undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkaitan di mana perlu untuk mempercepatkan proses penswastaaan. Bagi agensi-agensi yang besar seperti LLN, Keretapi Tanah Melayu dan Jabatan Penerbangan Awam, Kerajaan, buat permulaan, akan memperbadankan agensi-agensi ini dahulu sebelum saham-sahamnya dijual kepada orang awam. Di samping itu Kerajaan juga bersedia membenarkan pihak pengurusan syarikat Kerajaan membeli saham syarikat-syarikat di mana mereka bekerja. Mereka yang berminat bolehlah mengemukakan cadangan untuk dipertimbangkan oleh Kerajaan.

Perusahaan Awam Bukan Kewangan

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin menyentuh kedudukan semasa Perusahaan Awam Bukan Kewangan atau PABK. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat maklum, saya pernah menyatakan kebimbangan tentang prestasi PABK keseluruhannya serta keperluan yang mendesak untuk

menilai daya maju, pemulihan, dan seterusnya penswastaaan perusahaan-perusahaan itu.

Beberapa PABK telah mula mendapat untung setelah mengambil peluang dari kemajuan ekonomi pada tahun-tahun yang lepas, kestabilan nilai ringgit dan perubahan dalam pengurusan. Bagi PABK yang untung, keuntungan bagi setiap ringgit telah bertambah dari 35 sen dalam tahun 1987 kepada 52 sen dalam tahun 1988. Ini merupakan tambahan sebanyak 48 peratus. Walau bagaimanapun masih terdapat beberapa PABK yang tenat. Operasi dan prestasi kewangan PABK-PABK ini perlu diperbaiki.

Kerajaan telah pun mengambil beberapa langkah untuk memperbaiki PABK-PABK utama yang menghadapi masalah. Umpamanya, bagi Perwaja Trengganu Sendirian Berhad, satu kumpulan pengurusan yang baru telah pun dilantik yang telah dapat memperbaiki kemudahan pengeluaran serta komitmen kakitangan. Ini telah membawa kepada peningkatan pengeluaran yang ketara. Penyusunan semula operasi dan kewangan sedang dilaksanakan.

Bagi Proton, tiga langkah utama telah diambil iaitu:

- (i) perubahan dalam pengurusan;
- (ii) bayaran awal hutang yen untuk mengurangkan pendedahan tukaran luar; dan
- (iii) pengambilan alih saham oleh Perbadanan Industri Berat Malaysia (HICOM) dalam Edaran Otomobil Nasional (EON) untuk menghubungkan aktiviti perkilangan dan pemasaran.

Penswastaaan Sabah Gas Industries (SGI) sedang dipertimbangkan dan satu penyusunan semula telah sedang dirancang. Rancangan ini meliputi pertukaran sebahagian atau semua pinjaman Kerajaan Persekutuan kepada SGI menjadi ekuiti.

Beberapa PABK yang tenat juga telah memperoleh faedah dari keadaan pasaran yang baik. Malayawata Steel Bhd. dan Malaysia Shipyard and Engineering Sdn. Bhd. adalah di antara PABK yang mencatat keuntungan bagi tahun 1988, manakala Sabah Gas Industries dan Perak Hanjoong Sdn. Bhd. mencatatkan kerugian yang tebih kecil.

Kerajaan telah mendapatkan khidmat perunding swasta untuk meneliti 79 buah PABK kecil yang menghadapi masalah. Masalah-masalah yang dihadapi oleh sejumlah besar perusahaan-perusahaan ini adalah disebabkan oleh kelemahan-kelemahan asas, pengurusan yang tidak cekap serta dasar kewangan yang kurang teliti. Perakuan-perakuan perunding ini sedang dilaksanakan oleh Kerajaan bagi membantu, memulih, ataupun menutup agensi-agensi ini.

Prospek Ekonomi Tahun 1990

Tuan Yang di-Pertua, ramalan terakhir menunjukkan bahawa pertumbuhan ekonomi negara-negara perindustrian akan berkurangan dari kadar 3.3 peratus dalam tahun 1989 kepada 2.8 peratus pada tahun hadapan. Pertambahan dalam perdagangan dunia juga akan berkurangan dari 6.4 peratus kepada 5.5 peratus.

Perkembangan ini akan menjejaskan pertumbuhan ekonomi kita. Walaupun sumber pertumbuhan dalam negeri kita telah menjadi kukuh, adalah dijangkakan bahawa pertumbuhan ekonomi Malaysia akan merosot sedikit kepada 6.5 peratus. Walau bagaimanapun pendapatan per kapita akan meningkat kepada \$5,733 berbanding dengan \$5,477 pada tahun ini.

Selaras dengan permintaan dunia yang lemah, adalah dijangka harga barangan utama kita akan turun

sedikit. Harga petroleum mentah dijangka berada pada paras AS\$16.50 setong bagi tahun hadapan. Harga getah pula dijangka berkurangan kepada 250 sen sekilo berbanding dengan 260 sen sekilo bagi tahun ini. Harga minyak kelapa sawit dijangka mencapai purata \$750 setan metrik pada tahun hadapan berbanding dengan \$830 setan metrik pada tahun ini..

Prestasi sektor luar negeri dijangka perlahan sedikit dan ini akan menjejaskan akaun semasa imbalan pembayaran. Lebihan akaun semasa imbalan pembayaran yang telah pun berkurangan pada tahun 1989 dijangka mencatat lebihan yang kecil dalam tahun 1990. Walau bagaimanapun, oleh kerana imbalan pembayaran secara keseluruhannya akan menunjukkan lebihan, rizab kita akan terus kukuh iaitu berjumlah lebih dari \$21 ribu juta. Oleh itu, nilai ringgit dijangka terus stabil. Dengan langkah-langkah yang diambil untuk menggalakkan eksport dan meningkatkan daya saing ekonomi, kita boleh menjangka prestasi eksport negara dan akaun semasa imbalan pembayaran yang lebih baik di masa hadapan.

Oleh kerana inflasi dunia diramalkan lebih sederhana, nilai ringgit kini kukuh dan kita telah mengambil langkah-langkah untuk mengawal kenaikan harga, kadar inflasi di negara kita dijangka berkurangan kepada 3.8 peratus dalam tahun 1990. Kadar ini boleh dikurangkan lagi jika pengguna membelanjakan ke atas barang-barang keperluan yang mustahak sahaja dan dari itu menambahkan simpanan mereka. Kedudukan pengangguran juga dijangka bertambah baik dan akan turun kepada 7.6 peratus.

Kedudukan ekonomi tahun 1990 diramalkan menggalakkan. Walau bagaimanapun kita harus berhati-hati dan bersedia untuk menghadapi kemungkinan berlakunya arah aliran yang kurang menggalakkan dalam ekonomi dunia.

Kesimpulan

Tuan Yang di-Pertua, kita telah berjaya mengatasi masalah kemelesetan ekonomi yang melanda negara pada tahun 1985 dan 1986. Kejayaan kita ini adalah hasil daripada langkah-langkah tegas dan gigih Kerajaan bagi memperkukuhkan kedudukan ekonomi negara dan kita dapat dilakukan semua ini hanya kerana ada sokongan dan kerjasama sebilangan besar rakyat. Kejayaan kita menguruskan ekonomi negara dengan bijak telah mendapat sanjungan dari Lembaga Eksekutif Kumpulan Wang Antarabangsa atau IMF baru-baru ini. Mengikuti Lembaga tersebut pengalaman Malaysia merupakan contoh yang patut diikuti oleh negara-negara membangun yang lain.

Keadaan ekonomi pada masa ini adalah jauh lebih baik. Selaras dengan prestasi ekonomi yang bertambah baik, sistem kewangan dan bank kini lebih kukuh. Ini adalah kerana pengurusan institusi-institusi kewangan yang lebih baik dan cekap dan langkah-langkah tegas yang diambil untuk mengatasi masalah-masalah yang timbul sejak beberapa tahun yang lepas. Tindakan berkesan yang diambil melalui Bank Negara Malaysia, termasuk melaksanakan Akta Bank dan Institusi Kewangan yang diluluskan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat baru-baru ini, telah meletakkan sistem kewangan di dalam keadaan yang lebih baik untuk memenuhi kehendak-kehendak pe-labur dan ekonomi negara.

Kegiatan pembinaan telah pulih dengan ketara, manakala jualbeli harta tanah juga telah meningkat dengan pesat. Aliran masuk modal luar negeri semakin bertambah. Di samping itu, terdapat tanda-tanda menunjukkan lebih ramai pelancong melawat Malaysia.

Tahun 1989 adalah tahun yang bersejarah bagi Malaysia. Kita telah berjaya menganjurkan beberapa acara

yang telah mengharumkan nama negara. Kita telah mengadakan upacara pertabalan Duli Yang Maha Mutia Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong, Sultan Azlan Shah dengan jayanya. Sukan SEA telah kita anjurkan dengan gilang-gemilang yang melibatkan penyertaan setiap lapisan masyarakat. Kita berjaya menduduki tempat kedua di kalangan negara-negara yang mengambil bahagian ini adalah satu rekod. Selain dari sukan SEA, kita juga telah berjaya mengadakan kejohanan sukan antarabangsa yang lain tahun ini, seperti Kejohanan Hoki Remaja Dunia, Kejohanan Squash Dunia, kejohanan polo dan golf.

Kerajaan telah membelanjakan sejumlah \$52 juta dalam tahun 1988 dan 1989 untuk meningkatkan kemudahan sukan. Saya harap rakyat Malaysia akan menggunakan sepenuhnya kemudahan-kemudahan yang telah disediakan, melalui penyertaan dalam kegiatan sukan, kita akan melahirkan warganegara yang sihat dan cergas. Bagi menggalakkan perkembangan sukan, saya bercadang menghapuskan duti import, cukai tokok dan cukai jualan ke atas beberapa alat sukan. Di samping itu, hadiah wang tunai yang diterima oleh ahli-ahli sukan dalam dan luar negeri akan dikecualikan dari cukai pendapatan. (*Tepuk*) Pada masa ini, hanya golongan kreatif sahaja yang diberikan pengecualian cukai ke atas sebahagian pendapatan mereka. Pengecualian hadiah wang untuk ahli-ahli sukan adalah bagi menggalakkan lebih banyak pertandingan antarabangsa diadakan di negara kita. Selain dari itu, ia juga diharapkan melahirkan lebih ramai ahli sukan terkemuka dari kalangan rakyat Malaysia.

Baru-baru ini, kita telah menerima lawatan Ratu Elizabeth II dan menjadi tuan rumah kepada Persidangan Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM). Kejayaan persidangan ini

adalah berpunca dari kepimpinan yang dinamis dan kebijaksanaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri (*Tepuk*). Perlantikan Yang Amat Berhormat sebagai Pengerusi Kumpulan Tertinggi Mengenai Masa Depan Komanwet, mencerminkan penghargaan dan sanjungan tinggi Ketua-ketua Kerajaan Komanwel terhadap beliau. (*Tepuk*) Seperti kita semua maklum, tahun 1990 ialah Tahun Melawat Malaysia. Acara-acara yang kita adakan pada tahun ini dengan jayanya adalah persediaan untuk tahun hadapan. Negara kita semakin hari semakin disanjung tinggi oleh masyarakat antarabangsa. Menteri pendidikan kita telah dipilih menjadi Presiden Persidangan Agong UNESCO. (*Tepuk*) Jika dahulu tidak ramai orang yang mengenali Malaysia, pada hari ini kita adalah sebuah negara yang terkenal. Ramai pemimpin negara-negara Komanwel telah melahirkan perasaan kagum dengan kemajuan ekonomi, kestabilan politik dan keindahan negara kita. Kejayaan menjadi tuan rumah kepada Mesyuarat CHOGM adalah bukti kemampuan kita. Kejayaan ini adalah kerana perpaduan serta sokongan setiap lapisan masyarakat dan semangat cintakan negara. Bagi pihak Kerajaan, saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada mereka yang terlibat dan seluruh rakyat Malaysia kerana menjayakan mesyuarat ini.

Kerajaan telah membelanjakan sebanyak \$40 juta untuk CHOGM. Tetapi faedahnya kepada negara tidak ternilai dan lebih besar dari wang yang dibelanjakan itu. Langkawi yang dahulunya merupakan gugusan pulau yang tidak dikenali telah mendapat publisiti meluas dari media antarabangsa. Kini Deklarasi Langkawi mengenai alam sekitar telah diabadikan. Kuala Lumpur akan lebih terkenal sebagai sebuah bandaraya yang indah dan bersih. Publisiti yang baik ini diperolehi tanpa melibatkan

kos secara langsung. Dengan tarikan-tarikan yang terdapat di negara kita dan imej kita sebagai sebuah negara berbilang kaum yang bersopan-santun dan pandai melayani tetamu, saya percaya ramai akan melawat Malaysia tahun hadapan. Sumbangan industri pelancongan kepada ekonomi negara semakin penting. Perkembangan industri ini akan memberi faedah kepada negara dalam bentuk pendapatan wang asing dan peluang pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, kita sepatutnya bersyukur kerana dapat memasuki dekad 90-an dengan penuh keyakinan. Ekonomi negara dijangka mengekalkan kadar pertumbuhannya untuk beberapa tahun akan datang. Walau bagaimanapun kita perlu melipatgandakan usaha bagi meningkatkan daya pengeluaran dan kecekapan. Kerajaan akan terus mengamalkan dasar menggalakkan pertumbuhan ekonomi bagi memperbaiki prospek pendapatan dan pekerjaan setiap rakyat. Kita harap sektor swasta akan memainkan peranan yang lebih berkesan dalam pembangunan negara. Para petabur tempatan hendaklah merebut peluang-peluang pelaburan yang wujud daripada perkembangan ekonomi yang menggalakkan. Ekonomi kita mempunyai potensi untuk berkembang dengan lebih pesat lagi. Dengan sokongan serta kerjasama rakyat, insya-Allah, kita akan mencapai kejayaan yang lebih besar di masa hadapan.

Kerajaan kita adalah Kerajaan yang adil, ikhlas dan dinamik. Oleh itu kita amat sedar bahawa faedah daripada prestasi ekonomi yang membanggakan sejak tahun 1987 perlu diagihkan secara saksama ke seluruh pelusuk tanahair.

Kita sedar bahawa kebanyakan rakyat di negara kita tinggal di tuar bandar. Ada di antara mereka yang hidup miskin. Kerajaan tidak rela

melihat hanya orang-orang di bandar dapat hidup selesa, sementara penduduk luar bandar masih terjebak dalam segala bentuk kedhaifan. Kita telah berjanji akan memerangi kedhaifan terutama di luar bandar. Janji ini akan dikotakan. Tidak sempurnalah segala usaha untuk meningkatkan ekonomi dan kekayaan negara, jika tidak semua rakyat dapat mengecap faedah dan nikmat daripada usaha kita ini. Maka atas kesedaran dan keinsafan yang mendalam dan berterusan ini, Kerajaan akan melipatgandakan usaha membasmi kemiskinan, meninggikan kadar celik-huruf melalui pendidikan dan memesatkan lagi pembangunan infrastruktur di luar bandar. Kita mahu lebih ramai penduduk luar bandar dapat menikmati bekalan air yang bersih bekalan elektrik dan jalan raya yang lebih baik. Namun begitu, perlu juga kita memperbaiki tahap infrastruktur di kawasan perindustrian bagi memenuhi keperluan sektor ini yang kian pesat berkembang. Apabila kemudahan infrastruktur bertambah dan lebih baik pula, kita akan berupaya menarik lebih ramai pelabur asing ke Malaysia dan dengan itu mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan.

Belanjawan tahun ini adalah untuk setiap golongan rakyat. Sektor swasta akan mendapat faedah daripada pembinaan inttastruktur yang lebih baik dan langkah-langkah cukai yang diambil untuk meningkatkan kegiatan ekonomi. Pegawai-pegawai Kerajaan akan mendapat faedah daripada kelonggaran syarat-syarat bagi permohonan pinjaman perumahan. Untuk membantu siswazah menganggur, Kerajaan akan memperuntukkan \$17 juta pada tahun hadapan bagi Skim Khidmat Sambilan. Semenjak skim ini dilaksanakan, iaitu pada tahun 1986, Kerajaan telah membelanjakan \$64.3 juta. Ini satu jumlah yang besar. Saya harap para siswazah akan berusaha bersungguh-sungguh untuk berdikari

kerana Kerajaan tidak mampu meneruskan skim ini buat selamalamanya.

Tuan Yang di-Pertua, pengguna akan menikmati faedah dari penurunan kadar duti beberapa barangan. Ini akan membantu mengurangkan kenaikan harga. Penduduk luar bandar pula akan terus diberikan perhatian bagi memastikan mereka dapat menikmati taraf hidup yang lebih tinggi. Lebih penting lagi, golongan paling dhaif akan diberi perhatian khusus, melalui bantuan kewangan yang lebih besar untuk meningkatkan taraf hidup mereka. Semua langkah dan usaha ini dilakukan dengan kesedaran dan kejujuran, untuk meninggikan mutu hidup semua lapisan rakyat.

Kerajaan Barisan Nasional adalah juga sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab yang memberikan perhatian serius terhadap keperluan setiap golongan masyarakat di negara ini. Kita sentiasa berusaha untuk berkhidmat kepada rakyat. Meskipun begitu, saya ingin tegaskan bahawa tentulah mustahil bagi kita memuaskan hati semua pihak. Ataupun yang Kerajaan buat, sudah pasti ada pihak yang tidak berpuashati. Ini adalah lumrah alam. Bagaimanapun Kerajaan akan terus melaksanakan amanah yang diberikan oleh rakyat untuk meninggikan taraf hidup setiap warganegara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga amat sedar bahawa matlamat murni ini bukan mudah dicapai sepenuhnya. Ia hanya boleh dicapai melalui usaha gigih yang berterusan. Lebih dari itu, ia hanya boleh dicapai jika negara kita terus stabil, Kerajaan terus kukuh dan rakyat sentiasa bersatu padu. Kerajaan pula akan kukuh dan berkesan hanya dengan sokongan padu dari rakyat. Kerajaan akan dapat memenuhi keseluruhan kehendak dan aspirasi rakyat hanya jika rakyat memberikan sokongan yang sungguh-sungguh. Kita tidak pernah berharap

kepada sokongan yang membuta-tuli. Kita berpegang teguh kepada prinsip yang benar katalah benar. Atas prinsip inilah seluruh rakyat perlu bersatu menentang golongan yang berusaha mengabui mata kita terhadap kebenaran dan kenyataan. Kita harus tentang dengan sekeras-kerasnya golongan yang berusaha memutarbelitkan kenyataan semata-mata kerana hendak memecahbelahkan rakyat, semata-mata kerana hendak menggugat kestabilan negara, semata-mata kerana nafsu besar mereka hendak berkuasa. (*Tepuk*)

Ingin saya tegaskan sekali lagi bahawa Kerajaan tidak mungkin mencapai segala kejayaan di bidang ekonomi politik, sosial, pendidikan maupun kebudayaan, jika kita tidak mendapat sokongan jitu daripada rakyat. Atas kesedaran inilah maka saya bagi pihak Kerajaan Barisan Nasional dengan segala rendah diri tetapi penuh bangga ingin merakamkan terima kasih kepada setiap lapisan rakyat dari semua golongan yang telah menunjukkan kesetiaan mereka, yang dengan penuh yakin dan sabar, berdiri bersama Kerajaan dalam menghadapi ketika-ketika yang genting, detik-detik sukar baik di segi ekonomi maupun politik, yang telah kita hadapi di tahun-tahun lalu, terutamanya dalam lima tahun kebelakangan ini. Tahun-tahun ini telah menguji kecekalan, kegigihan dan kedaulatan kita sebagai sebuah negara demokratik yang bermaruah. Sepanjang tahun-tahun ini, pelbagai pancaroba telah melanda negara dan pemimpin-pemimpinnya. Pelbagai tohmah, keji dan cerca telah dilemparkan kepada mereka, pelbagai ramalan "akhir zaman" telah dibuat terhadap survival ekonomi (*Tepuk*) dan politik negara sehingga ada sebahagian ada sebahagian rakyat yang telah terpengaruh dan mengambil tindakan-tindakan yang boleh mengancam kestabilan negara. Seandainya lebih ramai rakyat

terpengaruh dengan dakyah dan cerita-cerita karut ini, negara kita sudah tentulah huru-hara. Ekonomi sudah tentulah bankrap. Tetapi hakikatnya adalah sebaliknya. Ekonomi kita semakin teguh, negara semakin stabil. Syukur Alhamdulillah, kita telah terhindar daripada bahaya bencana yang besar ini disebabkan oleh kebijaksanaan sebilangan besar rakyat yang tabah serta setia dan tahu pula menilai yang mana benar dan yang mana palsu. (*Tepuk*) Kita berharap sikap ini akan terus ditunjukkan di masa-masa akan datang. Moga-moga dengan keredhaan Allah Subhanahu-wataala, negara yang kita cintai ini akan terus berdaulat, lebih maju lebih makmur dan lebih bersatu padu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. (*Tepuk*)

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Seri S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1990

Dato' Paduka Daim Zainuddin: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Usul di atas nama saya di dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini yang berbunyi:

Bahawa Dewan ini, mengikut Seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari \$9,257,427,310 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1990, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1990 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 27

tahun 1989, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut,

diserahkan kepada Jawatankuasa se-buah-buah Majlis.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Seri S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, perbincangan di atas kedua-dua masalah ini akan dimulakan pada hari Isnin, 30hb Oktober, 1989, mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 66 (3).

Majlis Mesyuarat ditangguhkan sekarang hingga pukul 2.30 petang hari Isnin, 30hb Oktober, 1989.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.28 petang.

LAMPIRAN I

KAJIAN SEMULA CUKAI PEMBANGUNAN

Dalam Belanjawan 1989 Kerajaan telah mengumumkan bahawa cukai pembangunan sebanyak 5 peratus ke atas syarikat akan dimansuhkan secara beransur-ansur. Sebagai strategi menyeluruh untuk mengurangkan kadar-kadar cukai langsung dan untuk menjadikan kadar cukai di Malaysia lebih kompetitif, adalah dicadangkan agar cukai pembangunan dikurangkan dari 5 peratus kepada 4 peratus. Pengurangan cukai ini adalah untuk individu dan juga syarikat.

Cadangan ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1990.

LAMPIRAN II

MENGENAL SEMULA SEKATAN KE ATAS POTONGAN UNTUK BAYARAN BONOS

Bayaran bonos sehingga maksimum \$2,000 atau dua bulan gaji yang boleh ditambah tidak melebihi dua kali ganda, peratus kenaikan keuntungan bersih, mengikut yang mana lebih tinggi adalah dibenarkan sebagai suatu potongan kepada majikan di dalam pengiraan pendapatan yang dikenakan cukai. Sebagai langkah untuk para pekerja meningkatkan produktiviti mereka, dan untuk menggalakkan pengwujudan satu sistem gaji yang fleksibel, yang memberi ganjaran kepada mereka yang berprestasi baik, adalah dicadangkan sekatan yang dikenakan ke atas potongan untuk bayaran bonos dihapuskan. Walau bagaimanapun, untuk memastikan majikan tidak mengambil peluang membayar gaji yang rendah untuk mengurangkan pencaruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), dicadangkan agar semua bonos sama ada secara kontrak atau sebaliknya tertakluk kepada caruman KWSP.

Cadangan ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1990.

LAMPIRAN III

KAJIAN SEMULA KE ATAS BEBERAPA SURAT- CARA KEWANGAN YANG TERTAKLUK KEPADA DUTI SETEM

Pada masa ini kontrak pembelian bagi perakuan simpanan bolehniaga yang merupakan sebagai pengganti deposit adalah dikenakan duti setem sebanyak \$3.00, sementara tiada duti setem dikenakan ke atas deposit. Suratcara-suratcara yang terlibat dalam urusan peringkat kedua bagi amanah unit saham dan hartanah

adalah tertakluk kepada duti setem sebanyak 1 peratus bagi amanah unit yang tidak disenaraikan dan 0.3 peratus bagi amanah unit yang disenaraikan.

Selaras dengan dasar Kerajaan untuk menggalakkan pembangunan pasaran wang dan modal serta untuk menyelaraskan duti setem ke atas kontrak pembelian bagi perakuan simpanan bolehniaga dengan deposit adalah dicadangkan:

- (i) duti setem sebanyak \$3.00 ke atas kontrak pembelian bagi perakuan simpanan bolehniaga dihapuskan; dan
- (ii) duti setem sebanyak 1 peratus atau 0.3 peratus ke atas suratcara yang terlibat dalam urusniaga peringkat kedua untuk amanah-amanah unit saham dan amanah-amanah unit harta tanah dihapuskan untuk menggalak aktiviti jual beli di peringkat ini dan untuk meletaknya agar sama dengan pengecualian duti setem yang telah diberi kepada suratcara yang terlibat dalam urusniaga peringkat kedua bagi bon korporat.

Cadangan-cadangan ini berkuatkuasa mulai 1hb Januari 1990.

LAMPIRAN IV

PENGECEUALIAN CUKAI PENDAPATAN KE ATAS HADIAH WANG TUNAI YANG DITERIMA OLEH AHLI-AHLI SUKAN PROFESIONAL

Pada masa ini, setiap ahli sukan profesional tempatan adalah dikenakan cukai pendapatan mengikut kadar cukai individu. Bagi ahli sukan profesional asing mereka adalah tertakluk kepada cukai pegangan sebanyak 15 peratus berhubung dengan pendapatan sukan mereka.

Hadiah wang tunai yang diterima oleh ahli sukan profesional dianggap sebagai pendapatan dan dikenakan cukai pendapatan.

Sebagai langkah untuk menggalakkan perkembangan sukan di negara ini adalah dicadangkan hadiah wang tunai yang diterima oleh ahli-ahli sukan profesional dikecualikan daripada cukai pendapatan.

Cadangan ini akan berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1990.

LAMPIRAN V

LANGKAH-LANGKAH UNTUK MEMAJUKAN INDUSTRI PELANCONGAN

Untuk menggalakkan lagi pembangunan industri pelancongan dan untuk menambah pelaburan dalam sektor ini, langkah-langkah berikut adalah dicadangkan:

- (i) potongan dua kali diberi kepada pengusaha hotel dan operator pelancongan bagi perbelanjaan ke atas kerjakerja promosi di luar negeri seperti berikut:
 - (a) perbelanjaan publisiti dan iklan di dalam mana-mana media massa di luar Malaysia;
 - (b) perbelanjaan untuk mengadakan dan menghantar risalah, majalah dan buku panduan tanpa dikenakan apa-apa bayaran kepada bakal-bakal pelanggan di luar Malaysia;
 - (c) perbelanjaan secara langsung berkaitan dengan penyelidikan pasaran dan mendapatkan pasaran di luar Malaysia. Penyelidikan pasaran perlu mendapat ke-

- lulusan awal daripada Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan;
- (d) tambang ke luar negeri bagi maksud merundingi atau membuat kontrak bagi pengiklanan, pameran dagangan atau konferens atau forum yang diluluskan oleh Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan tertakluk kepada maksimum \$200 sehari untuk penginapan dan \$100 sehari untuk makan semasa berada di luar negeri; dan
- (e) perbelanjaan secara langsung kerana mengadakan pameran dagangan atau konferens atau forum yang diluluskan oleh Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan;
- (ii) potongan dua kali diberi bagi perbelanjaan ke atas latihan-latihan yang diluluskan oleh Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan untuk mempertingkatkan tahap kemahiran dan profesionalisma dalam industri pelancongan;
- (iii) duti import ke atas komponen CKD bagi bas pelancong yang dipasang dalam negeri dan duti eksais ke atasnya dimansuhkan;
- (iv) duti import ke atas komponen CKD bagi kereta mewah yang dipasang dalam negeri dan diguna dalam industri pelancongan dan juga duti eksais keatasnya dikecualikan. Pengecualian ini berkuatkuasa mulai hari Belanjawan hingga Disember 1990
- dan tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) kenderaan itu mesti mempunyai keupayaan selinder 2000 c.c. dan ke atas;
- (b) syarikat mestilah berdaftar dengan Perbadanan Kemajuan Pelancongan sebagai operator pelancongan;
- (c) syarikat mestilah mempunyai lesen yang dikeluarkan oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) untuk mengendalikan perkhidmatan yang berka-ritan; dan
- (d) syarikat tidak boleh menjualkan kenderaan tersebut dalam masa 10 tahun kecuali membayar cukai yang sepatutnya atau mendapat kelulusan dari Perbendaharaan;
- (v) barang-barang pewter dimasukkan di bawah senarai yang pada masa ini meliputi kamera, jam tangan, pemetik api, pen, radio transistor, minyak wangi dan alat solek yang boleh dibeli oleh pelancong-pelancong tanpa cukai jualan.
- (vi) had pengecualian cukai perkhidmatan bagi hotel-hotel dinaikkan dari 6 buah bilik ke bawah kepada 25 buah bilik ke bawah untuk menggalakkan pembangunan hotel-hotel kecil bagi memenuhi keperluan pelancong-pelancong yang terhad perbelanjaan mereka; dan
- (vii) cukai perkhidmatan di Labuan dimansuhkan;
- Cadangan-cadangan (i) dan (ii) adalah berkuatkuasa dari tahun taksiran 1991, cadangan-cadangan (iii)

hingga (vi) berkuatkuasa dari hari Belanjawan dan cadangan (vii) berkuatkuasa mulai 28hb Oktober 1989.

LAMPIRAN VI

GALAKAN-GALAKAN TAMBAHAN UNTUK INDUSTRI BERASASKAN ROTAN DAN KAYU

Pada masa ini, industri berasaskan rotan dan kayu masih belum lagi berkembang dengan pesatnya terutama di Sabah dan Sarawak. Sebagai langkah untuk menggalakkan aktiviti hiliran yang mempunyai lebih nilai ditambah, adalah dicadangkan.

- (i) lanjutan taraf perintis selama lima tahun diberikan kepada pengilangan perabot dan komponen perabot dari rotan dan kayu walaupun mereka tidak memenuhi kriteria mengenai modal dan tenaga pekerja;
- (ii) pada masa ini, syarikat yang mengilang komponen perabot berasaskan rotan dan kayu layak mendapat galakan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986, jika mereka mengeksport 80 peratus atau lebih daripada keluaran mereka. Kini syarikat yang mengeksport 60 peratus atau lebih daripada komponen keluaran perabot akan juga layak untuk mendapat galakan di bawah Akta ini asalkan sekurang-kurangnya 51 peratus daripada ekuiti syarikat dipegang oleh rakyat Malaysia;
- (iii) selain dari ini, galakan tambahan berikut juga dicadangkan untuk pengilangan barang

berasaskan rotan dan kayu di Sabah dan Sarawak, iaitu:

- (a) buat masa ini, pengilang barang-barang berasaskan rotan dan kayu (tidak termasuk kayu gergaji dan veneer) untuk pasaran eksport sahaja yang layak mendapat galakan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986. Galakan ini sekarang juga diperluaskan kepada pengilang yang mengeluarkan untuk pasaran tempatan;
- (b) pengilang barang-barang berasaskan rotan dan kayu (tidak termasuk kayu gergaji dan veneer) untuk pasaran eksport akan layak mendapat lanjutan taraf perintis selama 5 tahun tanpa memenuhi kriteria semasa mengenai modal dan tenaga pekerja;
- (c) pada masa ini, pengecualian sepenuhnya duti import dan cukai tokok diberi ke atas bahan mentah atau komponen yang digunakan untuk mengilang barang-barang berasaskan rotan dan kayu untuk pasaran eksport. Kemudahan ini sekarang diperluaskan kepada pengilang bagi pasaran tempatan;
- (d) pengilang yang mengeksport barang-barang rotan dan kayu (kecuali kayu gergaji dan veneer) akan layak mendapat potongan cukai dua kali atas kos pengangkutan yang ditanggungnya.

Cadangan-cadangan ini akan berkuatkuasa pada 1hb Januari 1990.

LAMPIRAN VII

**CADANGAN UNTUK
MEMBANTU INDUSTRI
PEMBINAAN**

Pada masa ini, kebanyakan bahan binaan asas yang digunakan dalam industri pembinaan terutama sekali untuk perumahan kos rendah adalah dikecualikan dan cukai jualan. Walau bagaimanapun, untuk membantu lagi industri ini, adalah dicadangkan beberapa bahan binaan tertentu yang masih lagi tertakluk kepada cukai jualan dikecualikan dari cukai ini seperti berikut:

<i>Kod Tarif HS</i>	<i>keterangan</i>	<i>kadar sekarang</i>	<i>Kadar di- cadangkan</i>
6810.11000	Concrete building bricks and blocks	5%	
6819.19900	Concrete slabs and ridge tiles	5%	Nil
44.07	Sawn timber	5% & 10%	

Adalah diharapkan tindakan ini akan menyederhanakan peningkatan harga dalam sektor pembinaan.

LAMPIRAN VIII

**LANGKAH-LANGKAH UNTUK
MENGAWAL KENAIKAN
HARGA**

Untuk menyokong lagi strategi bagi mengawal kenaikan harga adalah perlu bagi menggalakkan persaingan yang lebih besar dalam pengeluaran dalam negeri dan juga import bagi kategori barang-barang tertentu. Ini akan meningkatkan bekalan bahan tempatan dan membantu mengawal kenaikan harga. Oleh itu adalah dicadangkan supaya perubahan-perubahan ke atas duti import, cukai jualan, cukai tokok dan duti eksais dibuat seperti berikut:

**BARANG-BARANG YANG DICADANGKAN DITURUNKAN CUKAI
ATASNYA**

(a) Baraag-barang yang dicadangkan diturunkan duti import

<i>Kod Tarif HS</i>	<i>Keterangan</i>	<i>Kadar Sekrang</i>	<i>Kadar Dicadangkan</i>
(a) BARANG-BARANG MAKANAN			
		%	' %
0701.10 000	Potatoes	5	2
0703.10 000	Onions and shallots	5	2
0703.20 000	Garlic	5	2
0709.60 100	Chillies—capsicum	5	2
0813.40 100	Tamarind—fresh and dried	5	2
0904 20 120	Chillies—dried, crushed or ground	5	2
0906 20 000	Cinnamon & cinnamon-tree flowers	3	2
0907.00 000	Cloves	5	2

<i>Kod. Tarif HS</i>	<i>Keterangan</i>	<i>Kadar Sekarang</i>	<i>Kadar Dicadangkan</i>
		%	%
0908.10 000	Nutmeg	3	2
0908.20 000	Mace	3	2
0908.30 000	Cardamoms	3	2
0909.10 000	Seeds of anise or badian	5	2
0909.20 000	Seeds of coriander	5	2
0909.30 000	Seeds of cumin	5	2
0909.40 000	Seeds of caraway	5	2
0909.50 000	Seeds of fennel or juniper	5	2
0910.10 000	Ginger	5	2
0910.20 000	Soffron	5	2
0910.30 000	Tumeric (Curcuma)	5	2
0910.40 000	Thyme, bay leaves	5	2
0910.91 000	Mixtures and others	5	2
0910.99 000			
1003.00 000	Barley	5	2
1006.40 100	Broken rice—for animal feeding	5	2
1103.11 000	Groats, meal and pellets: of wheat	8	5
1103.21 000			
1806.20 000	Chocolate in blocks, slabs or bars	30% or \$3.00 w.i.t.h.	20% or \$3.00 w.i.t.h.
1806.31 100			
1806.31 900			
1806.32 100			
1806.32 900			
1806.90 000			
1901.10 300 *	Preparations for infant use, put up for retail sale, containing cocoa powder by weight of less than 10%	30% or \$3.00 w.i.t.h.	20% or \$3.00 w.i.t.h.
1901.20 300			
1901.90 940			
1904.10 100 "	Prepared foods obtained by the swelling or roasting of cereals or cereal products containing less than 8% by weight of cocoa powder or coated with chocolate	30% or \$3.00 w.i.t.h.	20% or \$3.00 w.i.t.h.
1904.90 100			
(b) BAHAN-BAHAN UNTUK PENGI- LANGAN BARANG-BARANG MINU MAN.			
Not ready for immedtate consumption:			
2009.19990	Orange juice	30	15
2009.20990	Grape fruit.juice	30	15
2009.30 990	Juice of any other citrus fruit	30	15
2009.60 990	Grape juice	30	15
2009.70 990	Apple juice	30	15
2009.90 990	Mixtures of juices	30	15

HS	Kod Tarif	Keterangan	Kadar Sekarang	Kadar Dicadangkan
			%	%
2106.90	500	Preparations for manufacture of lemonade or other beverages	35	15
0405.00	210	Anhydrous Butterfat-for use in the manufacture of reconstituted milk	10	2
(c) BARANG-BARANG KEPERLUAN RUMAH TANGGA				
3401.11	100	Toilet soap	8	2
3401.11	200	Medicated or disinfecting soaps	8	2
3401.11	900	Other soaps	8	2
3401.19	900			
3401.20	900			
3401.19	100	Hard soap	8	2
3401.19	200	Abrasive soap	8	2
3401.19	300	Industrial soap	8	2
3002.39	000	Other vaccines	5	2
3002.90	000			
(e) BAHAN-BAHAN PERTANIAN				
3102.70	900	Calcium Cyanamide containing more than 25% weight of nitrogen	5	2
3105.10	120			
3808.30	111	Herbicides containing Monosodium Acid Methane Arsenate, other Salts Deviratives of Methylarsonic Acid-Liquid	15	10
3808.30	112	Herbicides containing Diuron, Monuron and Limuron-other	15% or \$3.50 w.i.t.h.	10% or \$2.50 w.i.t.h.
3808.30	191			
3808.30	199	other Herbicides	15	10
3808.30	211	Anti-Sprouting products containing monosodium acid arsenate, other salts and deviratives of methylarsonic acid-liquid	15	10
3808.30	212	Anli-sprouting products containing Diuron, Munuron and Linuron	15% or \$3.50 w.i.th.	10% or \$2.50 w.i.t.h.
3808.30	291			
3808.30	299	Other Anti-sprouting products	15	10
(b) Barang-barang yang dicadangkan dihapuskan cukai tokok (5%)				

Kod	Tarif	Keterangan
(a) BARANG-BARANG MAKANAN		
1104.12	100	Rolled or flaked grains of oats-rolled
1517	10	Margarine, excluding liquid margarine
1517	10	

<i>KodTarif</i> <i>HSKeterangan</i>			
<i>Kod Tarif</i> <i>HS</i>	<i>Keterangan</i>	<i>Kadar</i> <i>Sekarang</i>	<i>Kadar</i> <i>Dicadangkan</i>
1517.90 100	Imitation ghee		
1517.90 200	Imitation lard		
1517.90 400	Mould release preparations		
1517.90 510	Solid mixtures or preparations of vegetables fats or oils		
1517.90 521	liquid mixtures or preparations of which ground-nut oil predominate		
1517.90 552	Of which sesame oil predominate		
1517.90 600	Of mixtures or preparations of animal fats or oils		
3401.20 100	Soap powder	8	2
3401.20 200	Soap flakes	8	2
3402.20 210	Liquid bleaches	40 sen per litre	20 sen per litre
3402.20 900	other washing Preparations	8	2
3305.10 000	Shampoo	50	40
3305.90 200	Hair oils	50	40
3305.90 300	Hair creams and dressings	50	40
8450.11 110	Washing machmes not exceeding 6 kg - (household type)	40	30
8450.11 910			
8450.12 110			
8450.12 910			
8450.19 110			
8516.60 920	Rice cooker	50	40
8516.60 910	Electric kettle	45	40
3808.10910	Mosquito coils	59 sen per kg.	30 sen per kg.
(d) BARANG-BARANG PERUBATAN			
3006.10 100	Sterile catgut and other sterile material for surgical sutures	5	2
3006.10 200	Sterile laminaria and sterile lammaria tents	5	2
3006.10 900	Other	5	2
3006.20 000	Blood-groupmg reagents	5	2
3006.30 000	Opacifying preparations for X-Ray examinations, diagnostic reagents designed to be administered to the patient	5	2
3006.40 100	Dental cements and other dental fillings	5	2

<i>Kod Tarif HS</i>	<i>Keterangan</i>	<i>Kadar Sekarang</i>	<i>Kadar Dicadangkan</i>
3006.50 000	First aid boxes and kits	5	2
3001.90100	Heparin and its salt	3	2
3002.10 100	Antisera	5	2
3002.20 000	Vaccine for human medicine	5	2
3002.31 000	Vaccines against foot and mouth disease	5	2

<i>Kod HS</i>	<i>Tarif</i>	<i>Keterangan</i>
1517.90 900		Other mixtures
2007.91 100		Marmalades and lemon curd (citrus fruits)
2007.99 100		Jam and fruit jellies (other than citrus fruits)
0207.10 100	}	Poultry not cut in pieces fresh, or chilled or frozen
0207.10 200		
0207.10 900		
0207.21 000		
0207.22 000		
0207.23 000		
0207.31 000		
0207.39 111		
0207.39 119		
0207.39 190		
0207.20 210		
0207.39 290		Poultry cuts and offals (including livers) fresh, chilled or frozen
0207.41 110	}	
0207.41 190		
0207.41 200		
0207.42 000		
0702.00 000		Tomatoes, fresh or chilled
0704.90 110		Round cabbages
0705.11 000		Cabbage lettuce (Head lettuce)
0706.10 000		Carrots and turnips
0707.00 000		Cucumber and gherkins, fresh or chilled
<i>(b) BARANG-BARANG KEPERLUAN RUMAHTANGGA</i>		
3605.00 100		Matches
9613.10 100		Pocket lighters, gas filled, non-refillable-plastic
7321.11 100		Cooking Appliances and Plate Warmers For Gas Fuel or Both Gas and Other Fuels
7321.11 900		
7321.12000		
7321.13 000		
8450.10 010	}	Washing Machines Not Exceeding 6 kg-(Household Type)
8450 20 110		
8414.51 100		Table, Floor, Wall, Window or Ceiling or Roof Fans with a self-containing electric motor of an output not exceeding 125w
8414.51 210		
8414.51 290		
8414.51 900		

Kod Tarif

Keterangan

8418.21	110	
8418.22	100	Refrigerators not over 350 litres-(household type)
8418.29	110	

(a) BAHAN-BAHAN UNTUK PERTANIAN

3101.00	190	Animal or vegetables fertilizers, chemically treated other than guano
3105.10	190	Mineral or chemical fertilizer in tablets or similar forms or in packages of a gross weight not exceeding 10 kg.
3105.10	990	
3105.20	000	Mineral or chemical fertilizers containing the three fertilising elements nitrogen, phosphorus and potassium
3105.51	000	Other mineral or chemical fertilisers containing the two fertilising elements nitrogen and phosphorus
3105.59	000	
3105.60	000	
3105.90	000	

(c) Barang-barang yang dicadangkan dikecualikan cukai jualan (5%)

0201.10	000	Meat of bovine animals, fresh, chilled or frozen
0201.20	000	
0201.30	000	
0201.10	000	
0202.20	000	Meat of swine, fresh chilled or frozen
0202.30	000	
0203.11	000	
0203.12	000	
0203.19	000	Meat of sheep or goats, fresh chilled or frozen
0203.21	000	
0203.22	000	
0203.29	000	Meat of horses, asses, mules or hinnies, fresh, chilled or frozen
0204.10	100	
0204.21	000	
0204.22	000	
0204.23	000	
0204.30	000	
0204.41	000	
0204.42	000	
0204.43	000	Edible offal of bovine animals, swine, sheep, goats, horses, asses, mules or hinnies, fresh, chilled or frozen
0204.50	000	
0205.00	000	
0206.10	000	
0206.21	000	
0206.22	000	
0206.29	000	
0206.30	000	
0206.41	000	
0206.49	000	
0206.80	000	
0206.90	000	

(d) Barang-barang yang dicadangkan diturunkan duti eksais

Butiran	Keterangan	Kadar	kadar yang	Sekarang	Dicadangkan
				%	%
11.1	Matches			20	Nil
12.1	Pocket lighters, gas fuelled, non-refillables (plastic)			20	Nil
7.4.1	Refrigerators not over 350 litres -			10% or \$50	5% or \$25
7.4.2	(household type)			each	each

LAMPIRAN IX

LANGKAH UNTUK MEMBANTU SEKTOR PENGANGKUTAN

Untuk membantu sektor pengangkutan, adalah dicadangkan supaya duti import (5 peratus) atas semua komponen CKD bagi lori dan bas yang dipasang dalam negeri dan duti eksais (5 peratus) atas semua bas dihapuskan. Selanjutnya duti eksais atas motosikal tidak melebihi 150 c.c. dikurangkan dari 20 peratus kepada 10 peratus.

LAMPIRAN X

Perubahan kepada beberapa bayaran di bawah Akta Pengangkutan Jalan, 1987

Sejak pengumuman dalam Belanjaan Tahun 1985 mengenai beberapa perubahan kepada bayaran-bayaran yang dikenakan di bawah Akta Pengangkutan Jalan, adalah didapati bahawa beberapa bayaran ini dan lain bayaran perlu dikaji semula. Oleh itu adalah dicadangkan supaya pengurangan-pengurangan berikut dibuat:

- (i) bayaran pindah hakmilik kenderaan bermotor dikurangkan dari \$300 kepada \$100 bagi

pindahan daripada individu kepada syarikat;

- (ii) cukai jalan bagi motosikal dalam kategori 250 c.c. hingga 500 c.c. dikurangkan dari \$150 setahun kepada \$100 setahun supaya bayaran itu adalah sama dengan cukai jalan untuk motosikal dalam kategori 150 c.c. hingga 250 c.c.;
- (iii) menetapkan satu bayaran tetap sebanyak \$130 setahun bagi motosikal dalam kategori yang melebihi 500 c.c. yang mana pada masa sekarang adalah berasaskan kepada kadar 50 sen bagi setiap c.c. yang melebihi 500 c.c.; dan
- (iv) mengurangkan cukai jalan bagi bas dan lori sekolah memandu yang mana kadarnya adalah sama seperti bas dan lori biasa iaitu secara purata sebanyak \$1,500 setahun bagi bas dan \$5,300 setahun bagi lori, kepada satu kadar bayaran tetap sebanyak \$600 setahun.

Cadangan-cadangan ini berkuatkuasa mulai 28hb Oktober 1989.

LAMPIRAN XI

**LANGKAH-LANGKAH BAGI MENGGALAKKAN
PERKEMBANGAN SUKAN**

Bagi tujuan untuk menggalakkan perkembangan sukan di negara ini, selain dari mengecualikan hadiah wang tunai yang dimenangi oleh ahli-ahli sukan profesional daripada cukai pendapatan, adalah juga dicadangkan supaya, duti import, cukai tokok dan cukai jualan atas beberapa peralatan sukan dihapuskan seperti berikut:

**BARANG-BARANG SUKAN YANG DICADANGKAN DIHAPUSKAN/
DIKECUALIKAN CUKAI-CUKAI ATASNYA**

<i>Kod Tarif HS</i>	<i>Keterangan</i>	<i>Cukai-cukai yang dihapuskan/ dikecualikan</i>	
1. 9504.90110	Bola bowling	}	
2. 9506.21 000	Ski'air, papan luncur ombak, papan layar dan peralatan sukan air		
3. 9506.29 110	Swimming fins, snorkels dan lain-lain		
9506.29 120			
9506.29 190			
9506.29 900			
4. 9506.62 110	Bolasepak		
5. 9506.62 120	Bola tampar		
6. 9506.62 130	Bola keranjang		
7. 9506.62 190	Bola Rugby (termasuk lain-lain bola di bawah kod 9506.62 900)		
9506.62 900			
8. 9506.91 000	Peralatan dan kelengkapan gimnasium atau olah raga		
9. 9506.99 100	Bulu Tangkis		
10. 9506.99 300	Jaring badminton, ping pong dan tenis		
11. 9506.99 400	Pad Kriket, pelindung kaki atau seumpamanya		
12. 9506.99 900	Kayu hoki (termasuk alat-alat lain di bawah kod 9506.99 000)		
13. 9506.31 000	Kayu golf		Duti import 5% dan cukai jualan 10%
14. 9506.40 100	Pemukul Ping Pong		}
15. 9507.10 000	Joran		
16. 9507.20 000	Mata Kail		Duti import 2% dan cukai jualan 10%
17. 9507.30 000	Serek/lempoyan pancing		}
18. 9504.90 110	Alat laluan bowling		
9504.90 191			
9504.90 199			
19. 9506.40900	MejaTenis		Cukai jualan 10%
20. 9504.20 900	Meja Billard	}	
21. 9504.20 100	Kapur Billard		
22. 9506.51 000	Raket Tenis		
23. 9506.59 000	Raket Badminton		
24. 9506.99 200	Pengapit raket		
25. 9506.32 000	Bola Golf	Cukai tokok 5% dan cukai jualan 10%	

LAMPIRAN XII

**MENYELARASKAN DUTI IMPORT ATAS ALAT-ALAT GANTI DENGAN
DUTI IMPORT ATAS BARANG-BARANGNYA**

Pada masa ini, adalah didapati alat-alat ganti tertentu tertakluk kepada duti import sedangkan barangan siapnya pula dalam kes-kes tertentu tidak tertakluk kepada duti import. Ini tidak seragam dan perlu diperbaiki. Oleh itu adalah dicadangkan supaya kadar-kadar duti import atas alat-alat ganti tertentu diselaraskan dengan duti-duti import atas barang-barangnya seperti berikut:

**ALAT-ALAT GANTI YANG DICADANGKAN DITURUNKAN DUTI
IMPORT ATASNYA**

<i>Kod Tarif HS</i>	<i>Keterangan</i>	<i>Kadar Sekarang</i>	<i>Kadar Dicadangkan</i>
1. 7324.90 910	Parts for flushing cistern equipped with mechanism	5%	Nil
2. 7326.90 110	Parts for tanks, casks, drums, cans, boxes and similar containers made by casting of a capacity not exceeding 300 litres	25%	5%
3. 8405.90 000	Parts for producer gas, water gas and acetylene gas generators etc.	5%	Nil
4. 8406.90 000	Parts for turbines for marine propulsion etc.	5%	Nil
5. 8413.91 000	Parts for pumps for liquids	15%	10%
6. 8414.90 200	Parts for ventilating or recycling hoods incorporating a fan, having a maximum horizontal side exceeding 120 cm, fitted with filter	30%	Nil
7. 8420.91 000 8420.99 000	Parts for cylinders and other rolling machines	5%	Nil
8. 8434.90 000	Parts for milking and dairy machinery	5%	2%
9. 8435.90 000	Parts for presses, crushers and similar machinery used in the manufacture of wine, cider, fruit juices or similar beverages	5%	2%
10. 8436.91 000 8436.99 000	Parts for poultry-keeping machinery or poultry incubators and brooders etc.	5%	2%
11. 8437.90 990	Parts for machines other than rubber rollers	5%	2%
12. 8439.91 000 8439.99 000	Parts for machinery for making pulp of fibrous cellulosic material etc.	5%	Nil
13. 8441.90 900	Parts for machines for making bags, sacks, envelopes, cartons, boxes, cases, tubes, drums or similar containers, moulding articles in paper pulp, paper or paperboard etc.	5%	Nil
14. 8453.90 000	Parts for machinery for preparing, tanning or working hides, skins, leather or repairing footwear etc.	5%	Nil
15. 8454.90 000	Parts for converters, ingots moulds, ladles and casting machines	5%	Nil

<i>Kod Tarif HS</i>	<i>Keterangan</i>	<i>Kadar Sekarang</i>	<i>Kadar Dicadangkan</i>
16. 8467.91 000 8467.92 000 8467.99 000	Parts for chain saws, pneumatic tools etc.	5%	Nil
17. 8474.90 000	Parts for machinery for sorting, screening, separating, washing, crushing, grinding, mixing or kneading, concrete or mortar mixers and machines for mixing mineral substances with bitumen etc.	15%	10%
18. 8475.90 000	Parts for machines for assembling electric or electronic lamps, tubes or valves or flashbulbs, in glass envelopes and machines for manufacturing hot working glass or glassware	5%	Nil
19. 8477.90 000	Parts for other machinery for moulding or retreading pneumatic tyres or moulding or otherwise forming inner tubes etc.	5%	Nil
20. 8478.90 000	Parts for machinery for preparing or making up tobacco	5%	Nil
21. 8479.90 000	Parts for machines and mechanical appliances having individual functions	5%	Nil
22. 8514.90 000	Parts for resistance heated, induction or dielectric furnaces and ovens etc.	20%	Nil
23. 8515.90 100	Parts for ultrasonic welding machines	5%	Nil
24. 8515.90 900	Parts for other than ultrasonic welding machines	30%	Nil
25. 8538.90 400	Parts for starters for electric motors for use in radio equipment	30%	5%